



LAPORAN  
TAHUNAN  
**2016**

---

**ANNUAL REPORT 2016**

PERTUMBUHAN BERTERASKAN KESAKSAMAAN SOSIAL  
**GROWTH WITH SOCIAL EQUITY**





# KANDUNGAN

## CONTENTS

- 4      Wawasan dan Penubuhan & Objektif  
*Vision and Establishment & Objectives*
- 6      Perutusan Pengerusi  
*Chairman's Statement*
- 10     Ahli-ahli NCIA  
*Members of NCIA*
- 12     Jawatankuasa Pengurusan NCIA  
*NCIA Management Committee*
- 13     Jawatankuasa Audit NCIA  
*NCIA Audit Committee*
- 14     Pengurusan NCIA  
*The Management of NCIA*
- 16     Carta Organisasi  
*Organisational Chart*
- 18     Perutusan Ketua Eksekutif  
*Chief Executive's Statement*
- 22     Sorotan 2016  
*2016 Highlights*
- 26     Kronologi Pencapaian  
*Chronological Milestones*
- 28     Program Titik Sentuhan Rakyat  
*Rakyat Touch Point Programme*

- 
- 30 **Detik-detik Utama 2016**  
*2016 Significant Moments*
- 32 **Pertanian dan Industri-Bio**  
*Agriculture and Bio-Industries*
- 42 **Pembuatan**  
*Manufacturing*
- 52 **Logistik**  
*Logistics*
- 62 **Pelancongan**  
*Tourism*
- 72 **Pendidikan dan Modal Insan**  
*Education and Human Capital*
- 82 **Pemasaran dan Perhubungan Pelabur**  
*Marketing and Investor Relations*
- 92 **Pembangunan Sosial**  
*Social Development*
- 102 **Penyata Kewangan**  
*Financial Statements*
- 174 **Liputan Akhbar**  
*Media Coverage*

# WAWASAN

Menjadi wilayah ekonomi bertaraf dunia dan destinasi pilihan untuk pelaburan, pekerjaan, kediaman dan mendapatkan ilmu pengetahuan dalam persekitaran yang selamat, bersih dan mampan menjelang tahun 2025.

## Penubuhan dan Objektif

Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) telah ditubuhkan di bawah Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 687) sebagai pihak berkuasa yang bertanggungjawab untuk menyediakan hala tuju dan merangka dasar-dasar dan strategi berhubung pembangunan sosioekonomi di Koridor Utara, yang merangkumi negeri Kedah, Perak, Perlis dan Pulau Pinang di utara Semenanjung Malaysia.

Matlamat Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara adalah:

- 1. Menggalakkan persekitaran inovasi yang kukuh.**
- 2. Mempelbagaikan ekonomi berteraskan kluster ekonomi asas.**
- 3. Memangkinkan pertumbuhan ekonomi melalui penglibatan sektor swasta.**
- 4. Membangunkan modal insan yang relevan kepada industri.**
- 5. Memanfaatkan rangkaian perdagangan serantau.**
- 6. Memastikan limpahan sosioekonomi dapat dirasai oleh warga Koridor Utara.**

# VISION

To be a world-class economic region of choice for investments, work, living and learning in a safe, clean and sustainable environment by 2025.

## Establishment and Objectives

The Northern Corridor Implementation Authority (NCIA) was established under the Northern Corridor Implementation Authority Act 2008 (Act 687) as the authority responsible for providing direction and for devising policies and strategies in relation to socio-economic development in the Koridor Utara, which encompasses the states of Kedah, Perak, Perlis, and Penang in Northern Peninsular Malaysia.

The overarching goals for the Northern Corridor Implementation Authority are to:

- 1. Foster a strong innovation environment.**
- 2. Diversify economy by leveraging on core industry clusters.**
- 3. Catalyse economic growth by encouraging private sector participation and enhancing the support eco-system.**
- 4. Grow and maintain an industry-relevant talent base.**
- 5. Capitalise on regional trade networks.**
- 6. Ensure socio-economic spillovers to the Rakyat.**

# PERUTUSAN PENGURUSI

DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK



“

**Program-program ini menekankan komitmen NCIA ke arah menggalakkan pertumbuhan perniagaan tempatan dan penglibatan sektor swasta di rantau ini.**

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Haji Abdul Razak". The signature is fluid and cursive, with a large, stylized initial 'D'.

**TAHUN 2016 sememangnya bakal tercatat dalam lembaran sejarah sebagai tahun yang menyaksikan perubahan sosio-politik besar-besaran dan ketidakpastian ekonomi global yang berterusan. Namun, saya dengan syukur menyatakan bahawa Malaysia masih terus dilimpahi rahmat kestabilan dan trajektori pertumbuhan yang kekal positif.**

Hasilnya, ekonomi kita terhindar daripada kelembapan yang ketara, dan kita terus mencapai pertumbuhan KDNK yang stabil dengan kadar 4.2% pada tahun 2016 berbanding dengan pertumbuhan 5% pada tahun 2015. Manakala suku keempat tahun lepas menyaksikan unjuran pertumbuhan sebanyak 4.5%, melebihi sasaran ekonomi sebanyak 4.4%. Nisbah pelaburan asing dan domestik juga sejajar dengan aspirasi Kerajaan supaya pelaburan domestik dapat memainkan peranan penting sebagai pemacu agenda pelaburan Malaysia, dengan 71% disumbangkan oleh sumber-sumber domestik manakala Pelaburan Langsung Asing (FDI) telah meningkat 64% tahun ke tahun kepada RM59 bilion.

Adalah amat melegakan bila mengetahui kemajuan masih berjaya dicapai dan pencapaian-pencapaian ini adalah hasil kerjasama pelbagai Kementerian, agensi-agensi kerajaan serta sektor swasta dan pihak berkuasa koridor ekonomi. Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA), khususnya, sering menjadi sinar harapan yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara untuk memastikan pembangunan terus memberi manfaat kepada rakyat Malaysia dari segenap lapisan masyarakat.

Sebagai Penggerusi NCIA, saya merasa bangga melihat NCIA menjalankan tanggungjawab membangunkan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (Koridor Utara) yang meliputi negeri Kedah, Perak, Perlis dan Pulau Pinang. Saya yakin NCIA akan meneruskan peranannya dalam memacu agenda pembangunan negara selaras dengan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Program Transformasi Kerajaan (GTP).

Pelaksanaan strategi dalam RMKe-11 akan memacu perubahan bagi memusatkan pertumbuhan ekonomi, termasuk menggiatkan aktiviti inovasi serta membangunkan bandar dan koridor ekonomi wilayah yang berdaya saing. Usaha akan diteruskan bagi menambahkan pelaburan, menyediakan infrastruktur, dan untuk mengkaji semula pelan-pelan pembangunan koridor.

Sukacita saya memaklumkan bahawa, pihak NCIA telah berjaya mencapai pelaburan sektor swasta sebanyak RM4.47 bilion - lebih 50% daripada sasarannya - dalam tempoh separuh pertama tahun lepas. Pada akhir tahun 2016, angka itu meningkat kepada RM8.3 bilion, yang menghasilkan sebanyak 12,376 pekerjaan. Hasil ini merupakan bukti prestasi NCIA dalam menarik jumlah pelaburan kumulatif sebanyak RM79.92 bilion dan menjana 103,600 pekerjaan di wilayah ini sejak 2008.

NCIA telah bergerak ke hadapan dengan pelbagai inisiatif berimpak tinggi yang menyokong aliran pelaburan dan pekerjaan di bawah Fasa II program pembangunannya. Sesungguhnya, pencapaian NCIA dalam semua bidang-bidang teras utamanya telah berjaya menarik syarikat-syarikat asing bertaraf dunia dan tempatan ke Koridor Utara; dan ini menyumbang kepada kesejahteraan sosial rakyat menerusi pewujudan peluang pekerjaan, serta program-program sosial dan modal insan.

Saya juga berbesar hati kerana bagi menangani perubahan ekonomi yang tidak menentu serta dalam menyahut seruan Kerajaan di bawah RMKe-11, NCIA telah menjadi organisasi pertama mengambil inisiatif untuk mengkaji semula Pelan Induk Pembangunan Wilayah, dan menghasilkan Rangka Tindakan Pembangunan Wilayah Ekonomi Koridor Utara 2016-2025 (Blueprint 2.0). Blueprint 2.0 ini membentangkan pembangunan dan pertumbuhan sosioekonomi yang akan dilaksanakan di Koridor Utara dari tahun 2016 hingga 2025.

Semua usaha berterusan ini menunjukkan bahawa NCIA masih komited ke arah objektif utamanya iaitu 'Pertumbuhan Berteraskan Kesaksamaan Sosial' melalui kerjasama dengan keempat-empat kerajaan negeri, sektor swasta, dan agensi-agensi Kerajaan yang lain untuk terus menyediakan program-program yang memenuhi keperluan golongan berpendapatan sederhana dan rendah.

Saya juga ingin memuji NCIA di atas pelbagai program mesra rakyat di Koridor Utara, seperti inisiatif MySuria - yang bertujuan membantu kumpulan yang berpendapatan 40% terendah (B40); Program Model Pengurusan Estet; Program Pusat Inovasi Komuniti; Program Pembangunan Usahawan Mikro Bumiputera (MCash); Program Latihan Pertanian Moden Menggunakan Fertigasi; Kelab Padi Nestlé; dan Rapid Kamunting.

Program-program ini menekankan komitmen NCIA ke arah menggalakkan pertumbuhan perniagaan tempatan dan penglibatan sektor swasta di wilayah ini. Ini akan memastikan bahawa masyarakat tempatan mendapat manfaat, menerusi pewujudan peluang pekerjaan tambahan dan penglibatan inovatif. Ia juga membolehkan Kerajaan untuk berkomunikasi dengan lebih rapat dan berkesan bersama-sama rakyat, yang merupakan penerima manfaat utama program-program ini.

Sebagaimana pada tahun-tahun sebelum ini, saya dengan sukacitanya mengucapkan tahniah kepada pihak pengurusan NCIA dan kerajaan negeri masing-masing kerana pencapaian mantap bagi tahun 2016. Di dalam perjalanan kita memacu Malaysia ke arah mencapai ekonomi RM2 trilion dan Transformasi Nasional 2050 (TN50) bagi mewujudkan persekitaran ekonomi yang berkembang maju dan berdaya saing untuk manfaat kepada semua lapisan masyarakat, saya yakin bahawa NCIA akan terus cemerlang dalam usaha untuk membawa pembangunan kepada Koridor Utara.

Terima Kasih.

**THE world's economic and socio-political landscape went through a rather turbulent time in 2016. For Malaysia, we saw our Gross Domestic Product (GDP) for 2016 grow by 4.2%, compared to a 5% expansion in 2015. Nonetheless, the fourth quarter of last year saw a growth of 4.5%, which exceeded economists' expectations of 4.4%. It is also noteworthy that while domestic investment, which makes up 71% of total investment in Malaysia, was down 5%. The balance was taken up by Foreign Direct Investment (FDI), which was up 64% year-on-year to RM59 billion.**

In these challenging times, it is comforting to note that some things remain constant. Our beautiful nation remains one that is peaceful and rich in both resources as well as cultural values. We have a strong measure of stability that can cushion us in the face of adversity, thanks to the efforts of stalwart bodies that have a proven track record in producing results that continue to shape the country for the better.

One of those stalwart bodies is the Northern Corridor Implementation Authority (NCIA), of which I hold the honour and pleasure of being Chairman. NCIA is tasked with developing the Northern Corridor Economic Region (Koridor Utara), which encompasses the states of Kedah, Perak, Perlis and Pulau Pinang. I am confident NCIA will continue its role in driving the nation's regional development agenda in line with the 11th Malaysia Plan (RMK-11), the Economic Transformation Programme (ETP) and the Government Transformation Programme (GTP).

Under RMK-11, the focus is for regional economic corridors to continue to spur economic growth to address inter- and intra-regional imbalances, and to increase inclusivity. Efforts will be continued to accelerate investment, provide infrastructure, and to review corridor development plans.

I am happy to note that NCIA has managed to achieve RM4.47 billion, or more than 50% of its investment target - within the first half of the year. By the end of 2016, that figure rose to RM8.3 billion of private sector investments, creating 12,376 jobs. The fact that it has attracted a cumulative total of RM79.92 billion in investments and 103,600 accumulated jobs in the region since 2008 is testament to NCIA's track record.

NCIA has forged ahead with many high-impact initiatives that are in support of that inflow under Phase II of its development programme. Indeed, its unstoppable momentum across its key thrust areas has attracted world-class foreign and local companies to Koridor Utara, contributing to the social well-being of the rakyat through

creation of jobs and business opportunities as well as social and human capital programmes.

I am also happy to observe that in light of the massive changes in the national and global economic landscapes and part of the government's call under RMK-11, NCIA has been the first to take the initiative to undergo a strategic review of the Regional Economic Corridor Master Plan, and produced the Northern Corridor Economic Region Development Blueprint (Blueprint 2.0) in June 2016. Blueprint 2.0 outlines the socioeconomic development and growth plans that NCIA will undertake from 2016 to 2025.

All of these ongoing efforts show that NCIA is still committed towards its goal of Growth with Social Equity: working together with the four State Governments, the private sector and various other Government agencies to continue providing programmes that address the needs of the middle- and lower-income groups.

I also wish to commend NCIA on its various people-centric programmes such as the MySuria initiative - which is aimed at helping the Bottom 40% (B40); the Estate Management Model Programme (EMM); the Community Innovation Centre Programme (CIC); the Program Pembangunan Usahawan Mikro Bumiputera (MCash); the Modern Farming Training Programme using Fertigation; the Nestlé Paddy Club; and Rapid Kamunting.

These programmes emphasise NCIA's commitment towards encouraging the growth of local businesses and of private sector involvement in the region. This is in line with Focus Area C of the RMK-11 which emphasizes on encouraging more private sector investment in rural areas; as well as Focus Area D, which is accelerating regional growth for better geographic balance. This will ensure that local communities benefit through the creation of additional employment opportunities and innovative engagements. It also allows for the Government to communicate more closely and effectively with the people, who will be the ultimate beneficiaries of these programmes.

As in the previous years, I am pleased to congratulate the management of NCIA and the respective State Governments for delivering solid results. And as we move towards Malaysia becoming a RM2 trillion economy and the Transformasi Nasional 2050 (TN50) objective - to create a thriving and vibrant economic environment that will benefit people from all walks of life - I am confident that in its quest to bring development to the northern region, NCIA will continue to shine.

Thank you.

DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK  
**CHAIRMAN'S  
STATEMENT**

“

**These programmes emphasise NCIA's commitment towards encouraging the growth of local businesses and of private sector involvement in the region.**





# AHLI-AHLI NCIA

## NCIA MEMBERS



**PERDANA MENTERI MALAYSIA (PENGERUSI)**  
*Prime Minister of Malaysia (Chairman)*

**YAB DATO' SRI  
MOHD NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK**



**TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA**  
*Deputy Prime Minister of Malaysia*

**YAB DATO' SERI  
DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI**



MENTERI BESAR  
KEDAH

*Menteri Besar  
of Kedah*

YAB DATO' SERI  
AHMAD BASHAH MD. HANIPAH



MENTERI BESAR  
PERAK

*Menteri Besar  
of Perak*

YAB DATO' SERI DIRAJA  
DR ZAMBRY BIN HAJI ABD KADIR



MENTERI BESAR  
PERLIS

*Menteri Besar  
of Perlis*

YAB DATO' SERI  
AZLAN BIN MAN



KETUA MENTERI  
PULAU PINANG

*Chief Minister  
of Penang*

YAB TUAN  
LIM GUAN ENG



MENTERI DI JABATAN  
PERDANA MENTERI

*Minister in the  
Prime Minister's Department*

YB DATUK  
ABDUL RAHMAN BIN DAHLAN



KETUA SETIAUSAHA  
NEGARA

*Chief Secretary  
to the Government*

YBHG. TAN SRI DR  
ALI BIN HAMSA



TIMBALAN PENGURUSI  
KHAZANAH NASIONAL BERHAD

*Deputy Chairman  
of Khazanah Nasional Berhad*

YBHG. TAN SRI  
NOR MOHAMED BIN YAKCOP



PRESIDEN & KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF  
KUMPULAN SIME DARBY

*President & Group Chief Executive  
of Sime Darby Berhad*

YBHG. TAN SRI DATO' SERI  
MOHD BAKKE BIN SALLEH



KETUA EKSEKUTIF  
NCIA

*Chief Executive of NCIA  
(Secretary)*

YBHG. DATUK  
REDZA RAFIQ

# JAWATANKUASA PENGURUSAN

## MANAGEMENT COMMITTEE



### PENGERUSI / CHAIRMAN

YBhg. Tan Sri Dr. Ali bin Hamsa

**KETUA SETIAUSAHA NEGARA**

*Chief Secretary to the Government*



### AHLI-AHLI / MEMBERS

YBhg. Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah

**KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN**

*Secretary General of Treasury*

YBhg. Datuk Seri Dr. Rahamat Bivi binti Yusoff

**KETUA PENGARAH UNIT PERANCANG EKONOMI,  
JABATAN PERDANA MENTERI**

*Director General of the Economic Planning Unit,  
Prime Minister's Department*

YB Dato' Seri Abdul Puhat bin Mat Nayan

**SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK**

*Perak State Secretary*

YB Dato' Seri Haji Farizan bin Darus

**SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG**

*Penang State Secretary*

YBhg. Dato' Ahmad Husni bin Hussain

**KETUA PENGARAH UNIT KERJASAMA AWAM SWASTA,  
JABATAN PERDANA MENTERI**

*Director General of the Public Private Partnership Unit,  
Prime Minister's Department*

YB Dato' Paduka Haji Bakar bin Din

**SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KEDAH**

*Kedah State Secretary*

YB Tuan Ahmad Zamri bin Khairuddin

**SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS**

*Perlis State Secretary*

YBhg. Datuk Redza Rafiq

**KETUA EKSEKUTIF PIHAK BERKUASA  
PELAKSANAAN KORIDOR UTARA**

*Chief Executive of the Northern Corridor Implementation Authority*

# JAWATANKUASA AUDIT

## AUDIT COMMITTEE

### PENGERUSI / CHAIRMAN

YB Dato' Paduka Haji Bakar bin Din

**SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KEDAH**

*Kedah State Secretary*

### AHLI-AHLI / MEMBERS

YB Dato' Seri Haji Farizan bin Darus

**SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG**

*Penang State Secretary*

YB Dato' Seri Abdul Puhat bin Mat Nayan

**SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK**

*Perak State Secretary*

YB Tuan Ahmad Zamri bin Khairuddin

**SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS**

*Perlis State Secretary*

YBhg. Datuk Razali bin Che Mat

**WAKIL UNIT PERANCANG EKONOMI,**

**JABATAN PERDANA MENTERI**

*Representative of the Economic Planning Unit,  
Prime Minister's Department*

YBhg. Datuk Dayang Sadiyah binti Abang Bohan

**WAKIL UNIT KERJASAMA AWAM SWASTA,**

**JABATAN PERDANA MENTERI**

*Representative of the Public Private Partnership Unit,  
Prime Minister's Department*

Puan Rokhoun Nafsiah  
binti Haji Abd Rashid

**WAKIL KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

*Representative of the Malaysian Ministry of Finance*

# PENGURUSAN NCIA

## THE MANAGEMENT OF NCIA



DUDUK BARISAN HADAPAN / SEATED FRONT ROW

YBhg. Datuk Redza Rafiq

DUDUK BARISAN TENGAH DARI KIRI KE KANAN / SEATED CENTRE ROW FROM LEFT TO RIGHT

Zuhairi Mohmad • Fajaffri Mohd Fadzil • Hasri A Hasan • Syed Ahmad Safarudin Syed Zainal Abidin • Aemizureen Kamarudin

BARISAN BELAKANG DARI KIRI KE KANAN / LAST ROW FROM LEFT TO RIGHT

Razwin Sulairee Hasnan Termizi • Jariyah Hashim • Fauzan Ismail • Lim Meng Chye • Farid Wajidi Mat Yusoff • Rosmin Mohamed  
Muhammad Zaki Mohd Saman • Dr. Wan Abdul Rahaman Wan Yaacob • Ong Keng Meng • Hafidz Hashim

### BAHAGIAN TERAS UTAMA KEY THRUST AREA

Dr. Wan Abdul Rahaman Wan Yaacob

Fajaffri Mohd Fadzil

Muhammad Zaki Mohd Saman

Razwin Sulairee Hasnan Termizi

Syed Ahmad Safarudin Syed Zainal Abidin

### PELAKSANAAN ENABLERS

Aemizureen Kamarudin

Fauzan Ismail

Hafidz Hashim

Jariyah Hashim

Rosmin Mohamed

### PENASIHAT & SOKONGAN ADVISORY & SUPPORT

Farid Wajidi Mat Yusoff

Hasri A. Hasan

Lim Meng Chye

Ong Keng Meng


Zuhairi Mohmad



# CARTA ORGANISASI NCIA

## NCIA ORGANISATIONAL CHART





# PERUTUSAN KETUA EKSEKUTIF

DATUK REDZA RAFIQ



“

**NCIA tekad untuk sentiasa memainkan peranan dalam menerajui inisiatif-inisiatif di Koridor Utara secara dinamik dan berkesan dengan sokongan dari Kerajaan Persekutuan dan negeri serta pihak-pihak yang berkepentingan demi merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi di Koridor Utara.**

**TAHUN 2016 merupakan tahun yang amat berimpak bagi Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA). Dalam persekitaran ekonomi dan sosiopolitik dunia yang tidak menentu, lanskap sosioekonomi negara menunjukkan perkembangan yang ketara dengan pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). NCIA juga telah berjaya menarik penglibatan sektor swasta melalui pelaburan sebanyak RM8.3 bilion dan mewujudkan sebanyak 12,376 peluang pekerjaan. Secara kumulatif, sebanyak RM79.92 bilion pelaburan dari sektor swasta dan 103,600 peluang pekerjaan telah berjaya dicatatkan dari tahun 2008 hingga 2016.**

Semasa sesi pembentangan Bajet 2017 oleh YAB Perdana Menteri, program SuriaKU yang dipelopori oleh NCIA telah diumumkan untuk menjadi satu projek peringkat nasional yang dikenali sebagai MySuria. Projek rintis NCIA ini telah berjaya membantu isi rumah B40 meningkatkan kedudukan sosioekonomi mereka ke golongan M40. MySuria akan membantu peserta-peserta program menjana pendapatan dengan memanfaatkan sumber tenaga solar melalui penggunaan teknologi hijau untuk penjanaan elektrik.

NCIA juga turut menyumbang di dalam inisiatif membaiki sejumlah 3,564 buah rumah melalui inisiatif NCIA-ABM Masuk Kampung sejak program ini dilancarkan sehingga kini. Program-program pembangunan sosial sebegini telah memberi manfaat kepada rakyat dan juga memperlihatkan usaha NCIA untuk memastikan penyampaian objektif utamanya iaitu 'Pertumbuhan Berteraskan Kesaksamaan Sosial'.

Di samping itu, pada tahun 2016, Ahli-Ahli Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara telah mempersetujui sempadan Koridor Utara diperluaskan ke seluruh negeri Perak Darul Ridzuan. Pihak NCIA kini giat melaksanakan kerja-kerja awalan dalam projek pembangunan berskala besar di beberapa kawasan nod pertumbuhan di Koridor Utara. Kesemua kawasan nod pertumbuhan Koridor Utara yang merangkumi Kedah Rubber City dan Kedah Science and Technology Park di Kedah; Greater Kamunting Conurbation dan Manjung-Aman Jaya Maritime City di Perak; Chuping Valle Industrial Area dan Perlis Inland Port di Perlis; serta Batu Kawan Development di Pulau Pinang akan dibangunkan dalam tempoh RMKe-11.

Projek-projek pembangunan berskala besar ini sememangnya memerlukan kerjasama yang erat dan sokongan daripada kerajaan negeri dan pihak-pihak berkepentingan bagi memastikan persekitaran serta ekosistem yang kondusif dapat disediakan. Dalam melaksanakan projek-projek ini, NCIA akan terus komited bagi memastikan kejayaan pembangunan inisiatif-inisiatif tersebut. Di samping melaksanakan pembangunan nod-nod pertumbuhan, NCIA akan terus memantapkan lagi agenda ekonomi dengan pendekatan holistik menerusi projek

merentasi sempadan, iaitu projek-projek yang memerlukan kerjasama dan memberi manfaat ekonomi dan sosial kepada lebih daripada satu negeri; serta projek-projek berimpak tinggi setempat yang akan memberi kesan besar dan menyumbang kepada pembangunan negeri dan Koridor Utara secara am. Pelaksanaan projek-projek ini turut memberi penekanan terhadap pembangunan dan pengurangan ketidakseimbangan wilayah; serta memastikan limpahan ekonomi yang diperolehi dapat memberi manfaat kepada isi rumah B40 secara langsung.

Pada tahun 2016, NCIA telah mengambil langkah proaktif dalam mengkaji semula Rangka Tindakan Sosioekonomi Wilayah Ekonomi Koridor Utara. Usaha ini selaras dengan Strategi D1 yang telah digariskan di dalam dokumen RMKe-11, di mana kesemua Pihak Berkuasa Koridor perlu melakukan kajian semula strategi pelan induk pembangunan wilayah bagi menilai semula keutamaan dan tumpuan industri wilayah koridor ekonomi masing-masing. Langkah ini mengambil kira pembangunan mampan rakyat, terutamanya isi rumah B40. Secara tidak langsung, usaha berterusan ini memberi peluang kepada sektor swasta untuk terlibat dalam aktiviti-aktiviti ekonomi masyarakat tempatan; sekaligus melonjakkan pertumbuhan ekonomi Koridor Utara dan juga negara secara keseluruhannya.

Berlandaskan penekanan di atas, NCIA akan terus berusaha membina ekonomi berdaya saing dan berdaya tahan menerusi perancangan yang teliti. Ini adalah selaras dengan objektif baharu Transformasi Nasional 2050 (TN50) untuk mewujudkan persekitaran ekonomi maju dan berkembang pesat yang akan memanfaatkan semua lapisan masyarakat. NCIA akan terus memberi sokongan penuh dalam mencapai sasaran ini serta menyumbang ke arah matlamat TN50.

NCIA mempunyai peranan yang penting dalam memastikan setiap dasar dan agenda nasional di Koridor Utara dilaksanakan dengan jayanya. Berpaksikan kepada peranan itu, NCIA tekad untuk sentiasa menerajui inisiatif-inisiatif di Koridor Utara secara dinamik dan berkesan dengan sokongan dari Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri serta pihak-pihak yang berkepentingan demi merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi di Koridor Utara.

Saya amat terhutang budi kepada Pengurus dan Ahli-Ahli Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara atas panduan dan sokongan berterusan dalam menerajui NCIA. Saya merakamkan penghargaan kepada penglibatan dan kerjasama daripada semua ahli Jawatankuasa Pengurusan, Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri atas pelbagai sumbangan mereka terhadap pencapaian di Koridor Utara. Terima kasih juga kepada pihak pengurusan dan kakitangan NCIA di atas komitmen dan dedikasi dalam usaha mencapai misi dan visi Koridor Utara.

**FOR the Northern Corridor Implementation Authority (NCIA), 2016 can rightly be considered an impactful year. Amidst a stormy situation in the world's economic and socio-political landscape, there was a significant and exciting development for the country: the implementation of the 11th Malaysia Plan (RMK-11).**

This year, NCIA managed to attract investments worth RM8.3 billion through private sector participation and created 12,376 jobs. Cumulatively, a total of RM79.9 billion in private sector participation and 103,597 job creation have been successfully recorded from 2009 to 2016.

During the tabling of Budget 2017 by the Prime Minister, the SuriaKU programme initiated by NCIA was announced to be rolled out as a national-level project and rebranded as MySuria. This initiative pioneered by NCIA had succeeded at improving the socioeconomic standing of the B40 lower income group to elevate their position into the middle-class income bracket (M40). MySuria will help its participants to generate income by tapping into solar energy sources using green technology to produce electricity.

NCIA also contributed to the region's social development by facilitating repair-works on a total of 3,564 homes through the NCIA-ABM *Masuk Kampung* programme since its inception till date. Such NCIA programmes that benefit the *rakyat* are testaments of our efforts to ensure the delivery of our agenda of 'Growth with Social Equity'.

In addition, the expansion of Koridor Utara to include the entire state of Perak was agreed upon by the Council Members of the Northern Corridor Implementation Authority. NCIA is currently spearheading works leading to large-scale development projects in several of the new growth node areas. The growth nodes encompassing the Kedah Rubber City and Kedah Science and Technology Park in Kedah; Greater Kamunting Conurbation and Manjung Aman Jaya Maritime City in Perak; Chuping Valley Industrial Area and Perlis Inland Port in Perlis; and Batu Kawan Development in Penang will be developed under RMK-11.

These large-scale development projects undoubtedly require the cooperation and support of the state governments and stakeholders to ensure a conducive ecosystem is in place. NCIA will continue to be meticulous and unequivocal in implementing the projects to ensure these projects are successfully developed. Apart from the growth nodes, NCIA adopts a global approach to advance the nation's economic agenda via transcending border projects and localised high-impact projects. The former are projects which have diverse outcomes to multiple states in the areas of economic growth and social development; and involve mutually beneficial collaboration between two or more states.

The latter refers to projects which have specific outcomes to the State and contribute significantly to the outcomes of the region; and can be replicated across more than one state. The implementation of these projects focus on fuelling economic growth besides reducing regional imbalances; and principally provide direct economic spillovers to benefit the B40.

2016 saw NCIA proactively embarking on the review of its initial NCER Socioeconomic Blueprint. This effort is in accordance with the D1 strategy outlined in the RMK-11 document where all the regional economic corridor authorities were required to conduct a strategic review of the regional economic corridor master plans to revisit and reassess priorities and industry-focus. This measure takes into consideration the sustainable development of the *rakyat*, especially among the B40 group. Indirectly, this continuous effort accords opportunities for the private sector to be involved in the economic activities of the local community, hence escalating the economic growth of Koridor Utara as well as the country as a whole.

Although Malaysia is expected to face the challenges in global economic growth prospects and volatile trading scenario in 2017, NCIA is steadfast in its strategic plans to build a competitive and resilient economy. This is in line with the *Transformasi Nasional 2050* (TN50) objective to create a thriving and vibrant economic environment that will benefit people from all walks of life. NCIA will give its full support towards realising this objective and contribute towards realising the goals of TN50.

NCIA has an important role in ensuring the national policies and agendas are successfully implemented and enforced. NCIA will thus be guided by the support of the federal and state governments, as well as the stakeholders to continue playing its dynamic role in effectively leading efforts to boost economic growth in the region.

I am grateful to the Chairman and Members of the Council for their consistent guidance and support to helm NCIA. My heartfelt gratitude to all the members of the Management Committee, the Federal Government and the State Governments for their assistance and contribution to the various achievements in Koridor Utara. I would also like to convey my appreciation to the management team and employees of NCIA for their commitment and dedication in achieving the mission and vision of Koridor Utara.

DATUK REDZA RAFIQ

# CHIEF EXECUTIVE'S STATEMENT

“

**NCIA will thus be guided by the support of the federal and state governments, as well as the stakeholders to continue playing its dynamic role in effectively leading efforts to boost economic growth in the region**






# PENCAPAIAN NCIA

## NCIA'S PERFORMANCE




### PELABURAN SWASTA & PELUANG PEKERJAAN TERKUMPUL


CUMULATIVE PRIVATE INVESTMENT & JOB CREATION





### PENYERTAAN PELABURAN

PARTICIPATION IN INVESTMENTS





## PENCAPAIAN NCIA : SASARAN VS SEBENAR NCIA'S PERFORMANCE : TARGET VS ACTUAL



# 16 HASIL PENCAPAIAN

## - SASARAN VS SEBENAR

### THE 16 DELIVERABLES - TARGET VS ACTUAL

#### INISIATIF-INISIATIF PEMBANGUNAN SERANTAU REGIONAL DEVELOPMENT INITIATIVES

1

**3 / 3 OF 5**

**Pembangunan Nod-Nod Pertumbuhan Baharu**  
Development of New Growth Nodes

2

**9 / 4**

**Inisiatif-Inisiatif Kajian Strategik**  
Initiatives from Strategic Studies

3

**6 / 3**

**Inisiatif-Inisiatif Perancangan Pembangunan Baharu**  
New Development Planning Initiatives

4

**3 / 2**

**Inisiatif- Inisiatif IMT-GT/JDS**  
Initiatives in IMT-GT/JDS

9

**RM8.3b / RM6.5b**

**Penyertaan Sektor Swasta**  
Private Sector participation

10

**41% / 30%**

**Penyertaan Sektor Swasta Tempatan**  
Local Private Sector participation

11

**12,376 / 8,000**

**Peluang Pekerjaan**  
Jobs Opportunities

12

**91.7% / 80%**

**Indeks Kepuasan Pelanggan (Sektor Swasta)**  
Customer Satisfaction Index (Private Sector)

**INISIATIF-INISIATIF PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI**  
SOCIOECONOMIC DEVELOPMENT INITIATIVES

5

**30** / 12

**Program-Program Jangkauan Komuniti / Pembangunan Luar Bandar**  
Community Outreach / Rural Development Programmes

6

**319** / 300

**Pihak Berkepentingan dalam Konsep Nilai Bersama (SVC)**  
Stakeholders in Shared Value Concept (SVC)

7

**32%** / 30%

**Peningkatan Logistics Tahap Pendapatan Peserta-Peserta**  
Increase in Income Level of Participants

8

**81.9%** / 80%

**Indeks Kepuasan Komuniti**  
Community Satisfaction Index

13

**8** / 4

**Inisiatif-Inisiatif Pembangunan Kluster Berimpak-Tinggi**  
High impact Cluster Development Initiatives

14

**28** / 12

**Inisiatif- Inisiatif R&D dan Inovasi**  
R&D and Innovation Initiatives

15

**8** / 4

**Program-Program SME, Keusahawanan & RSSC**  
SME, Entrepreneurship & RSSC Programmes

16

**8** / 4

**Inisiatif-Inisiatif Modal Insan Berkaitan Industri**  
Industry Related Human Capital Initiatives

# KRONOLOGI PENCAPAIAN

## CHRONOLOGICAL MILESTONES

**2008**

- ▶ Penubuhan Akta Pihak Berkuaasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 687)

*Establishment of NCIA Act 2008 (Act 687)*

- ▶ George Town diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO

*George Town was inscribed as a UNESCO World Heritage Site*

**2010**

- ▶ Naik Taraf Pelabuhan Pulau Pinang disiapkan

*Penang Port upgrade completed*

**2012**

- ▶ Naik Taraf Lapangan Terbang Pulau Pinang disiapkan

*Penang Airport upgrade completed*

- ▶ BTC dilancarkan; dan 102 projek-projek R&D diluluskan di bawah CREST sejak 2012

*BTC launched; and 102 R&D projects approved since 2012 under CREST*

- ▶ Modul Pengurusan Estet – Padi (5.5 tan metrik setahun)

*Paddy – Estate Management Module (5.5MT/year)*

- ▶ Pusat Pertanian Bersepadu dan Latihan Amali Agropreneur ditubuhkan

*Agropreneur Integrated Farming & Practical Training Centre established*

**2007**

- ▶ Rangka Tindakan NCER dilancarkan

*NCER blueprint unveiled*

**2009**

- ▶ COE E&E ditubuhkan

*COE E&E established*

**2011**

- ▶ Blueprint Pelancongan Langkawi dilancarkan

*Langkawi Tourism Blueprint launched*

- ▶ Inisiatif ujian QAV dimulakan

*QAV test initiative started*





2013

- ▶ Pembangunan Penang Sentral dirancakkan  
*Penang Sentral development unblocked for progress*
- ▶ Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang disiapkan  
*Penang Transport Master Plan completed*



2015

- ▶ Pembinaan One Auto Hub @ Batu Kawan dimulakan  
*One Auto Hub @ Batu Kawan construction commenced*
- ▶ Landasan Berkembar Elektrik di antara Ipoh dan Padang Besar disiapkan  
*Electrified DoubleTrack between Ipoh and Padang Besar completed*



# 2016

▶ **Pelaksanaan projek nod-nod pertumbuhan baharu dimulakan: KPLC, KSTP, KRC**

*Implementation of new growth nodes project commenced – KPLC, KSTP, KRC*

▶ **NCER diperluaskan ke seluruh Perak**

*Extension of NCER to the whole of Perak*

▶ **Tumpuan segera ke atas Wilayah Perak Selatan**

*Immediate focus on Southern Perak*

▶ **Rangka Tindakan Pembangunan NCER 2016-2025 dibangunkan**

*Development of the NCER Development Blueprint 2016-2025*

▶ **Jeti Royal Belum disiapkan: Laluan utama ke hutan hujan berusia lebih 130 juta tahun**

*Royal Belum Jetty completed:  
Main gateway to the 130 million year-old rainforest*

▶ **Jejak Warisan Taiping disiapkan**

*Taiping Heritage Trail completed*

▶ **'Penang Design Village' dibuka**

*Penang Design Village opened*

▶ **Perkhidmatan Bas Rapid Kamunting dilancarkan**

*Rapid Kamunting Bus Service launched*

▶ **Pengumuman pelaburan RM5 bil oleh OSRAM**

*RM5 bil of Investment by OSRAM announced*



2014

- ▶ Jambatan Kedua Pulau Pinang disiapkan  
*Penang Second Bridge completed*
- ▶ Pelaburan RM1 bil oleh First Solar di KHTP  
*RM1 bil investment by First Solar at KHTP*
- ▶ Manjung dimasukkan di dalam NCER-TNB Janamanjung: IPP Terbesar di Semenanjung Malaysia  
*Manjung included into NCER-TNB Janamanjung: Biggest IPP in Pen. Malaysia*
- ▶ Kamunting menarik pelaburan kumulatif pembuatan sebanyak RM2.1 bil  
*Kamunting attracted RM2.1 bil cumulative manufacturing investment*



**OSRAM**

# PROGRAM TITIK SENTUHAN RAKYAT

## RAKYAT TOUCH POINT PROGRAMMES



**RM400 - RM600**

**Pendapatan Tambahan**  
Untuk Rakyat B40  
(sebulan)

**Additional Income**  
*Per month for B40 Rakyat*



**RM12,000**  
KITARAN / PER CYCLE

**Hasil Purata**

Daripada penjualan madu kelulut  
(1 Kitaran: Purata 1.5 Bulan)

**Average revenue**  
*From selling of madu kelulut'  
(1 Cycle: Avg. 1.5 Months)*



**RM30,000**  
BANTUAN GERAN / GRANT ASSISTANCE

**Setiap Usahawan**

Untuk pembangunan  
perniagaan

**Per Entrepreneur**  
*For business development*



**RM2,200**

**Pendapatan Purata**  
Untuk Rakyat B40  
(sebulan)

**Average Income**  
*Per month for B40 Rakyat*



5. Model Pengurusan Estet  
ESTATE MANAGEMENT MODEL



**Abm MASUK KAMPUNG**  
Program Latihan NCIA-ABM Masuk Kampung

**RM2,250**

**Penambahan pendapatan**  
Setiap Peserta; Setiap Musim;  
Setiap Hektar (1 Musim: 6 Bulan)

**Increased Income**  
Per Participant; Per Season;  
Per Hectare (1 Season: 6 Months)

**3,564**

**Penerima manfaat**  
Rakyat B40

**Beneficiaries**  
For B40 Rakyat

**257,871**

**Jumlah takupan penumpang**  
3 Mac - 31 Dis 2016

**Total Ridership**  
3 March - 31 Dec 2016

**RM1,067**

**Penambahan pendapatan**  
Untuk petani-petani  
(sebulan)

**Increased Income**  
Per month for Farmers

**Nestlé Paddy Club**  
Projek Estet Padi  
kerjasama Nestlé Paddy Club

# DETIK-DETIK UTAMA 2016

## 2016 SIGNIFICANT MOMENTS



### JANUARI JANUARY

- ◀ 15th NCIA Council Meeting
- ◀ Penang International Halal Expo & Conference 2016

### APRIL APRIL

- ◀ Perlis Marathon 2016 Launching Ceremony

### FEBRUARI FEBRUARY

- ◀ Working Visit of YBhg. Datuk Seri Zainal Abidin Osman, Special Advisor to the Prime Minister for the Northern Corridor Economic Region (NCER)

### MEI MAY

- ◀ Program Ekplorasi Kemahiran & Kerjaya Peringkat Daerah Manjung
- ◀ Perlis Marathon 2016

### MAC MARCH

- ◀ Soft Launch of Greater Kamunting City Bus Services (Rapid Kamunting)  
– Creating Connectivity & Mobility in Greater Kamunting
- ◀ SMK King Edwards VII's Science, Technologies, Engineering & Mathematics (S.T.E.M) Carnival 2016
- ◀ Kulim Hi-Tech Park Sports Carnival 2016 in conjunction with KHTP 20th Anniversary
- ◀ Program Pembangunan Pemodenan Sektor Padi Pertubuhan Peladang di Kawasan Seberang Perai Utara, Pulau Pinang

### JUN JUNE

- ◀ Kembara Kasih Ramadhan 2016 NCER



#### OGOS AUGUST

- ▶ Kembara Seindah Syawal 2016 NCER
- ▶ Pelancaran Inisiatif Pembangunan Industri Berasaskan Durian oleh Duria Manufacturing Sdn Bhd
- ▶ Majlis Taklimat & Lawatan Program Usahasama di antara Giatmara dan NCIA
- ▶ Majlis Perasmian Konferens Kebangsaan Pendidikan Abad Ke-21 Pejabat Pendidikan Daerah Larut Matang Dan Selama
- ▶ 16th NCIA Council meeting
- ▶ Majlis Perasmian Program Pembangunan Usahawan Ladang Pengganda Koridor Utara di Pondok Tanjung

#### SEPTEMBER SEPTEMBER

- ▶ Pangkor Dialogue 2016

#### OKTOBER OCTOBER

- ▶ Taiping Heritage Trail's 2nd Mural Handover Ceremony
- ▶ Karnival Keusahawan Peladang, Jalinan Tani Dan Pengsyntiharaan "Cluster Of Excellence" NCIA-PP Negeri Pulau Pinang

#### NOVEMBER NOVEMBER

- ▶ Northern Corridor Semi Skills Training Program (NSSTP) MOU Exchange Ceremony between NCIA, St. Regis Langkawi and Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti (JPKK)
- ▶ Majlis Graduasi & Anugerah Kecemerlangan Program Edu Citi-Tel Sesi 2015/2016
- ▶ Malaysia-Thailand Strategic Cooperation Workshop to Address the Issue of Disease in the Shrimp Aquaculture Sector

#### DISEMBER DECEMBER

- ▶ Mesyuarat Ke-12 Jawatankuasa Audit NCIA
- ▶ IMT-GT Ecotourism & Homestay Packages Between Perlis & Satun



# PERTANIAN DAN BIO-INDUSTRI

*AGRICULTURE AND  
BIO INDUSTRIES*





Bahagian Pertanian dan Bio-Industri telah melaksanakan penyelarasan strategik serta mengenal pasti pemangkin ekonomi baru yang dapat merangsangkan lagi pertumbuhan sektor pertanian dan bio-industri di Koridor Utara.



## PERTANIAN DAN BIO-INDUSTRI

AGRICULTURE AND  
BIO INDUSTRIES

**S**ektor pertanian dan bio-industri di Koridor Utara mempunyai kepentingan sosial dan ekonomi yang tinggi berdasarkan kepada sumbangan dan potensi kedua-duanya dalam mewujudkan pertumbuhan ekonomi yang mampan dan inklusif di wilayah ini. Berdasarkan kepada kepentingan strategik kedua-dua sektor ini, NCIA telah melaksanakan beberapa penyelesaian penting dan mengenal pasti pemangkin ekonomi baharu yang dapat merangsangkan lagi pertumbuhan sektor pertanian dan bio-industri di Koridor Utara.

Salah satu daripada pemangkin ekonomi adalah sumbangan Koridor Utara kepada agenda nasional bagi makanan dan jaminan keselamatan makanan. Koridor Utara berada dalam kedudukan yang ideal untuk memanfaatkan peluang ini supaya menjadi zon pertanian dan pengeluaran makanan secara lestari dan moden di negara ini. Secara tidak langsung, pulangan yang diperolehi adalah peningkatan pendapatan dan kenaikan taraf hidup petani serta pekerja dalam rantaian industri pertanian dan bio-industri.





Untuk merealisasikan visi ini, usaha berterusan telah dilaksanakan untuk memperkenalkan teknologi yang terbukti berkesan dan inovatif bagi meningkatkan tahap produktiviti dan jumlah pengeluaran pertanian. Sektor penanaman padi telah diberi penekanan semula pada tahun 2016 kerana kepentingannya dalam perancangan strategik jaminan keselamatan makanan negara. Untuk meneruskan momentum yang telah dicapai setakat ini, NCIA telah memperluaskan program unggul Model Pengurusan Estet (EMM) di dua (2) kawasan penanaman padi di bawah Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di Kedah, iaitu di kawasan Asun dan Kuala Muda Selatan.

Melalui penambahbaikan infrastruktur tanah dan pengairan, penggunaan input pertanian, jentera dan penerapan pengurusan penanaman padi dan amalan pertanian lestari, program EMM berjaya meningkatkan purata hasil padi petani sehingga enam (6) tan metrik sehektar, dengan pendapatan kasar sebanyak RM9,000 sehektar.

***Dengan penambahan dua (2) lokasi baharu ini, jumlah kawasan sawah padi di bawah program EMM telah meningkat kepada 3,570 hektar pada 2016 berbanding 3,112 hektar pada tahun 2015.***

Trend global dan tempatan terhadap kesihatan dan kesejahteraan telah mencetuskan permintaan yang tinggi untuk *superfruits* sebagai sumber makanan baharu yang menarik. Trend ini juga membawa kepada perubahan dalam landskap pertanian dan bio-industri. Tahun 2016 menjadi titik permulaan penyertaan NCIA ke dalam perniagaan inovatif ini, memperkenalkan cara baharu bagi merangsang pertumbuhan ekonomi yang mampan melalui penciptaan produk baharu yang berinovatif dan tenaga kerja mahir.



Projek pertanian *superfruit* yang terdiri daripada buah ara, lemon dan gac dilaksanakan oleh FigDirect Sdn. Bhd. di ladang seluas 25 hektar di Hutan Simpan Kekal Rimba Mas di Chuping, Perlis. Apabila siap sepenuhnya, ladang tersebut bakal ditanam sejumlah 37,500 pokok *superfruit* yang mampu menghasilkan 15 MT buah setahun. Penuhan ladang *superfruit* utama ini dan pembangunan rantaian *superfruit* bernilai tinggi telah dikenal pasti sebagai agenda bio-ekonomi halal yang boleh menjadi pemangkin kepada pertumbuhan industri makanan, kesihatan dan kesejahteraan terutamanya di Perlis dan merentasi Koridor Utara.

Selain daripada *superfruit*, terdapat juga permintaan pasaran yang tinggi untuk buah-buahan premium yang lain. Oleh itu, pada tahun 2016, NCIA telah memperhebatkan kerjasama dengan para penggiat industri dalam peningkatan kualiti dan hasil buah-buahan premium, terutamanya nanas MD2, mangga Harumanis dan variasi terpilih *rockmelon*.

Dengan permintaan nanas MD2 yang semakin meningkat, para petani dan usahawan buah-buahan tempatan di Koridor Utara seperti syarikat Data Tunggal Sdn. Bhd. telah mula memperluaskan ladang mereka untuk memenuhi permintaan dari pasaran tempatan dan luar negara. Selain daripada itu, syarikat tersebut juga mempelbagaikan rangkaian produk nilai tambah lain seperti jus nanas dan pes untuk memenuhi permintaan industri makanan. Bagi menyokong pertumbuhan industri ini di Koridor Utara, NCIA akan bekerjasama dengan Naza Plantation Services Sdn. Bhd. untuk menubuhkan 25 hektar ladang benih MD2 di Hutan Simpan Kekal Rimba Mas Chuping, Perlis. Inisiatif ini akan menyediakan akses secara langsung kepada para petani tempatan terhadap kuantiti bahan penanaman MD2 yang berkualiti dan mencukupi pada harga yang kompetitif.

**Projek rumah hijau Harumanis di Sungai Chuchuh dan di Kampung Hutan Ketiau, Perlis, telah menunjukkan kemajuan yang baik walaupun fenomena El Nino telah melanda beberapa negeri di Malaysia termasuk Perlis pada tahun 2016. Tapak pengeluaran Harumanis sepanjang tahun menggunakan teknologi rumah hijau yang dibangunkan oleh Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dijangka akan membawa hasil pada tahun 2017.**

*In realising Koridor Utara's full potential as a sustainable tourism destination, NCIA leverages on the support of major stakeholders, authorities and agencies in the tourism sector in implementing various new and ongoing initiatives at strategic tourist touchpoints across the region.*





2016 saw the successful launch of new programmes; and the maintenance of various initiatives that are already in place. A major international-level endeavour that was launched in 2016 was the Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle (IMT-GT) Ecotourism programme. The IMT-GT for Tourism Sector has been earmarked as an important growth area, and efforts are being intensified towards making the IMT-GT region as the top tourist destination in the world.

*The collaboration between NCIA, the Perlis State Government, the Ministry of Tourism and Culture (MoTaC) Perlis; and Tourism Malaysia Perlis had resulted in the creation and launching of 15 ecotourism packages to be offered to the tourists. These ecotourism packages were able to be made ready after a series of initiatives such as Perlis Tourism Industry Dialogue 2016 and Development of Perlis Tourism Industry Workshop 2016.*

Additionally, the IMT-GT Ecotourism and Homestay between Perlis and Satun packages were launched in collaboration with Tourism Authority of Thailand. A total of 14 packages were created for Perlis and Satun - the first ever ecotourism and homestay product from two different countries to be offered.

Apart from highlighting Perlis' ecotourism treasures, NCIA also successfully completed the building of the Belum-Temengor Tropical Rainforest (BTTR) public jetty terminal which is now known as 'Hentian Royal Belum Amanjaya'. The new jetty is now well equipped with convenience shop, food court, souvenir shop, ample parking space for cars, buses as well as a helipad. The new jetty will accommodate the related agencies such as the Perak State Parks Corporation (PSPC), Forestry Department and Health Department; an interpretive centre to educate and showcase the flora and fauna of BTTR and tourist activity centre before entering BTTR. According to PSPC, the number of local and international tourists entering BTTR in 2016 has increased to 23,375 compared to 9,310 in the year 2010.



In the historic town of Taiping in Perak, NCIA initiated the first *Taiping Street Art* along Jalan Ong Saik. This graffiti painting featuring the historical township, buildings, people and community activities became the most prominent and popular photo taking venue in Taiping. Using luminous paint, the second painting was inspired by the mode of transportation in Taiping in the 1890s era, and features the Taiping Market which was the main trading and gathering place in this township. This initiative aims to complement the Taiping Heritage Trail (THT) project that NCIA has implemented along the 11.5km range, which showcases 40 points of interest highlighting Taiping's rich heritage buildings and locations.

*The introduction of Rapid Kamunting in March 2016 was a boost for Taiping in ensuring seamless connectivity for both locals and tourists. The convenience afforded by ease of transportation as well as the cogent promotion of points of interests have resulted in the strong and steady growth of hotel guests and in the number of hotels in Taiping, according to Tourism Malaysia and Taiping Municipal Council (MPT) respectively. There was also a significant increase in the applications to MPT for food and beverage (F&B) business licenses, signifying better business opportunities and more jobs creation for the local community.*

To ensure adequate accommodations for the tourists arriving into Koridor Utara, NCIA also supports the development of hotels throughout the northern region. This year, NCIA was involved with the Juru Sentral Integrated Development and facilitated Exopuri Development Sdn Bhd in developing EXO Hotel@Juru Sentral. Once the development is completed, it will able to offer 340 job opportunities to the local community.

Healthcare travel is a key initiative to promote Koridor Utara as a healthcare hub as well as a destination for medical tourism that is supported by internationally-certified healthcare professionals. According to the Penang Centre of Medical Tourism, the total number of foreign patients who visited private hospitals in Penang in 2016 was 347,100, compared to 302,430 foreign patients in 2015 (an increase of 14.8% year-on-year). On the other hand, the total medical tourism receipts/ revenue collected from foreign patients stood at RM458,262,629 in 2016, compared to RM390,694,625 in 2015 (an increase of 17.2% year-on-year).



Embracing the wisdom of partnering with local communities, NCIA's Shared Value Concept (SVC) engagement model focuses on utilising the skills and talents of the local communities. In tourism, SVC focuses on the degree of individual participation, and the extent to which tourism income is channelled directly to local communities through entrepreneurial activities and administering tourism services. NCIA will continue to collaborate with various local industry players to enhance and promote village tourism activities, develop site-specific eco-guides, and offer skill-enhancement programmes for tour guides.

*With various opportunities to scale up tourism offerings to enhance revenue and create more economic activities for the region, NCIA will continue to encourage relevant stakeholders with the pertinent skills, expertise and knowledge to develop high-quality, innovative and sustainable tourism facilities within Koridor Utara.*






# PENDIDIKAN DAN MODAL INSAN

*EDUCATION AND HUMAN CAPITAL*





NCIA menjadi pemangkin kepada penyertaan ahli-ahli akademik, sektor swasta dan masyarakat di dalam usaha untuk menyampaikan agenda pembangunan ekonomi wilayah.



## PENDIDIKAN DAN MODAL INSAN

EDUCATION AND HUMAN CAPITAL

Rancangan Malaysia ke-11 2016-2020 (RMKe-11) terus meningkatkan agenda bagi melahirkan modal insan yang relevan kepada industri bagi memacu ekonomi global. Agenda ini memberi penumpuan kepada empat (4) bidang:

- I. Peningkatan kecekapan pasaran buruh untuk merangsangkan pertumbuhan ekonomi;
- II. Pemantapan Pendidikan dan Latihan Teknikal & Vokasional (TVET) untuk memenuhi permintaan industri;
- III. Penambahbaikan di dalam pembelajaran sepanjang hayat; dan
- IV. Peningkatan kualiti sistem pendidikan untuk menghasilkan pencapaian pelajar yang lebih baik dan juga kecemerlangan institusi.

Sejajar dengan RMKe-11, NCIA terus memberi tumpuan terhadap pembangunan program yang mampan untuk melahirkan modal insan yang berkeupayaan dan berkemahiran bagi menyokong sektor-sektor utama; dan meningkatkan produktiviti serta pertumbuhan di Koridor Utara.

NCIA menjadi pemangkin kepada penyertaan ahli-ahli akademia, sektor swasta dan masyarakat di dalam usaha untuk menyampaikan agenda kerajaan dalam pembangunan ekonomi wilayah. Penglibatan aktif dan kerjasama sektor swasta telah mendorong pihak akademia untuk menstrukturkan program-program latihan yang relevan bagi industri.





Unsur-unsur seperti keusahawanan, pembangunan kemahiran dan inovasi telah diserapkan ke dalam program-program pembangunan modal insan bagi memastikan agenda pemindahan pengetahuan Koridor Utara berfungsi sebagai instrumen peningkatan berterusan modal insan di wilayah ini.

*Inisiatif-inisiatif NCIA telah dilaksanakan melalui aspek-aspek Pelancongan Berasaskan Komuniti; Jalinan Industri/ Akademia; dan Kebolehpasaran Graduan ke arah menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi.*

Salah satu inisiatif yang dimulakan pada tahun 2016 adalah projek Pelancongan Berasaskan Komuniti Lenggong dengan kerjasama Kluster Penyelidikan Pelancongan Lestari, Universiti Sains Malaysia (USM). Tujuan program ini adalah untuk mewujudkan usahawan di kalangan masyarakat setempat dengan memberi tumpuan kepada pembangunan produk baharu, serta meningkatkan dan memasarkan produk-produk tempatan. Selain daripada itu, program ini akan melengkapkan pembangunan jejak baharu untuk mempromosikan Lenggong sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO.

*Penduduk-penduduk Kampung Luat dan Kampung Raban yang terpilih telah diberi pendedahan kepada pembangunan kemahiran keusahawanan untuk mencipta produk-produk cenderamata unik (signature souvenir) dan barang-barang warisan tradisi/ budaya Lenggong.*



Antara inisiatif-inisiatif lain yang dilaksanakan ialah Persidangan Antarabangsa Kedah Tua 2016 (*Kedah Tua International Conference*) dan Festival Kedah Tua. Inisiatif-inisiatif ini yang telah dijalankan dengan kerjasama pihak USM, Jabatan Warisan Negara, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, Kerajaan Negeri Kedah, Persatuan Pelancongan Dalam Malaysia (*Malaysian Inbound Tourism Association*) dan Pertubuhan Arkitek Malaysia telah dianjurkan pada bulan Mei 2016 untuk mendedahkan nilai-nilai universal arkeologi di Sungai Batu, dan juga untuk menyediakan tapak purba tersebut bagi pencalonan sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO.

Inisiatif-inisiatif bagi jalinan Industri/ Akademia berbentuk program latihan spa dan kesihatan di premis Akademi Pelancongan Langkawi, dengan matlamat untuk mewujudkan Pusat Kesihatan Mesra Muslim. Program Pembangunan Modal Insan dalam industri hospitaliti turut memberi latihan kepada Orang Asli di dalam bidang pengurusan hotel. Inisiatif ini turut menawarkan Program Diploma Profesional Halal Eksekutif serta Program Pengauditan bersama Sekolah Pendidikan Profesional & Pendidikan Berterusan UTM (UTMSPACE). Kompetensi pengauditan turut dimasukkan sebagai kelayakan tambah-nilai bagi industri halal. Pelaksanaan program ini telah mendapat sokongan daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

**Program Meningkatkan Kecekapan NCIA (NCEP) masih diteruskan, dengan tujuan untuk melatih 274 peserta. Sebanyak 19 syarikat mengambil bahagian dalam program yang dijalankan secara pembiayaan bersama ini. 84% daripada jumlah peserta program ini adalah daripada Koridor Utara; dengan 30% daripada jumlah peserta tersebut mempunyai Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) kurang daripada 3.0.**



Dengan kerjasama Empire Putra College Sdn Bhd (EPC), NCIA akan meneruskan Program Latihan Pengurusan Destinasi yang merangkumi Program Peningkatan Kemahiran Keusahawanan Teksi Pelancongan di Pulau Pangkor dan Merbok. Program ini akan dilancarkan pada suku pertama tahun 2017. Piawaian Kompetensi Kebangsaan (NCS) dalam Keusahawanan Teksi Pelancongan pula telah dibangunkan dan diluluskan pada suku keempat tahun 2016.

***Program ini bertujuan untuk meningkatkan pembangunan pelancongan berdasarkan komuniti di Pulau Pangkor dan Merbok, di mana pemandu tekси yang terpilih dari kedua-dua kawasan ini akan melalui program latihan bagi meningkatkan kemahiran mereka. Selain itu, aktiviti Pemetaan Budaya (Cultural Mapping) sedang diusahakan oleh penggiat pelancongan tempatan di Pulau Pangkor dan Merbok.***





## EDUCATION AND HUMAN CAPITAL

BAHAGIAN PENDIDIKAN DAN  
MODAL INSAN

The 11th Malaysia Plan 2016-2020 (RMK-11) continues to push the agenda of producing industry relevant human capital to drive globalised economy. The agenda focuses on four areas:

- I. Efficiency improvement of the labour market to accelerate economic growth;
- II. Technical & Vocational Education and Training (TVET) Transformation to meet the industry demands;
- III. Enhancement of lifelong learning; and
- IV. Quality improvement of the education system for better student outcomes and institutional excellence.

In support of RMK-11, NCIA continues to focus on developing sustainable programmes to build talents with the capability and skill sets to drive key sectors and boost both productivity and growth in Koridor Utara.

NCIA catalyses participation of the academia, the private sector and community in its drive to deliver the Government's regional economic development agenda. The active involvement and engagement of the private sector has prompted the academia to structure numerous industry-relevant training programmes.





Elements such as entrepreneurship, skills development and innovation are incorporated into Human Capital Development programmes to ensure that Koridor Utara's knowledge transfer agenda serves as a tool for the continuous improvement of the region's talents.

***The EHC's initiatives were undertaken via the aspects of Community-Based Tourism; Industry/Academia Linkages; and Graduate Employability towards becoming a high-income nation.***

One of the initiatives introduced in 2016 was the Lenggong Community-Based Tourism project in collaboration with the Sustainable Tourism Research Cluster (STRC) of the University of Science Malaysia (USM). Its aim is to create entrepreneurs among the local community focusing on the development of new products, as well as to enhance and commercialise existing local products. Additionally, the programme would complement the creation of new trails in promoting Lenggong as a United Nations Educational, Scientific and Cultural Organisation (UNESCO) World Heritage site.

***Selected members of the local community from Kampung Luat and Kampung Raban were exposed to entrepreneurship skills development to create Lenggong souvenir signature products and traditional/cultural heritage goods.***



Another initiative undertaken by NCIA was the Kedah Tua International Conference 2016 and Festival Kedah Tua. This initiative, in collaboration with USM, the Department of National Heritage, Ministry of Tourism and Culture Malaysia, Kedah State Government, Malaysian Inbound Tourism Association (MITA) and the Malaysian Institute of Architects (PAM), was organised in May 2016 to reveal the outstanding archaeological universal value of Sungai Batu and prepare this ancient site for nomination as a UNESCO World Heritage Site.

The initiatives for the Industry/ Academia linkages took the form of the spa and wellness training programme at the Langkawi Tourism Academy (LTA), with the goal of establishing a Muslim-Friendly Wellness Centre. Human Capital Development programmes for the hospitality industry provided training to the indigenous Orang Asli in hotel management. The initiative also offers the Halal Executive Professional Diploma and Auditing Programme with UTM School of Professional and Continuing Education (UTMSPACE). The inclusion of the auditing competency was a value-added qualification for the halal industry. This programme gained the support of the Pulau Pinang Islamic Religious Affairs Department (JHEAIPP).

*The NCIA Competency Enhancement Programme (NCEP) was continued aiming to recruit and train 274 participants. A total of 19 companies participated in this programme, using a co-funding approach. 84% of these participants were from Koridor Utara; and 30% of the total participants were with CGPA of less than 3.0.*



In collaboration with Empire Putra College Sdn Bhd, NCIA will continue its ongoing Destination Management Training Programme which includes the Pangkor Island and Merbok Tourist Taxi Entrepreneurship Up-Skilling Programme to be launched in the first quarter of 2017. The National Competency Standards (NCS) for Tourist Taxi Entrepreneurship had been developed and approved in the fourth quarter of 2016.

***This programme aspires to improve the development of community based tourism in both Pangkor Island and Merbok, whereby selected taxi drivers from the two areas will be sent for training to improve and up-skill themselves. Apart from that, Cultural Mapping efforts for Pangkor Island and Merbok are being developed by the respective local tourism enthusiasts.***





# PEMASARAN DAN PERHUBUNGAN PELABUR

*MARKETING AND INVESTOR RELATIONS*



Sebagai pelaksana dan fasilitator serantau, NCIA memainkan peranan utama dalam jaringan hubungan, pertanyaan, menyelaras dan menyokong proses pelaburan, serta mengekalkan pelaburan-pelaburan perniagaan di Koridor Utara.



## PEMASARAN DAN PERHUBUNGAN PELABUR

MARKETING AND INVESTOR RELATIONS

**S**alah satu fungsi utama Bahagian Pemasaran & Perhubungan Pelabur (MIR) adalah mempromosikan Koridor Utara sebagai satu lokasi yang kondusif bagi menggalakkan pelaburan asing dan domestik. Ini adalah sebahagian daripada usaha untuk memanfaatkan penglibatan sektor swasta supaya dapat mempercepatkan pertumbuhan wilayah dan meningkatkan kesejahteraan masyarakat luar bandar.

Selaku pemboleh cara serantau yang membantu pelabur dalam memastikan pelaburan dapat direalisasikan, NCIA juga berfungsi sebagai pusat tumpuan kepada pihak-pihak berkepentingan di Koridor Utara bekerjasama dan meneroka peluang-peluang perniagaan baharu. Ini dilaksanakan melalui model fasilitasi pelabur yang dibangunkan oleh NCIA untuk mewujudkan rangka kerja yang mantap bagi terus membantu para pelabur yang telah mula menjalankan operasi perniagaan mereka; dan menangani secara pro-aktif segala cabaran-cabaran pelaksanaan dan menggalakkan pelaburan semula bagi masa hadapan.





Dengan visi untuk mewujudkan satu tapak yang kukuh di peringkat serantau dan global, NCIA juga terlibat dalam usaha mengetengahkan syarikat-syarikat tempatan, selain mewujudkan hubungan perniagaan yang strategik di antara pihak-pihak berkepentingan. Sebagai pemboleh cara dan fasilitator, NCIA memainkan peranan utama dalam mewujudkan jaringan hubungan, menjawab pertanyaan, menyelaras dan menyokong proses pelaburan serta mengekalkan pelaburan perniagaan untuk pembangunan berterusan di Koridor Utara.

***Pada tahun 2016, NCIA berjaya menarik lebih daripada 26 pelabur, dengan membawa masuk pelaburan berjumlah RM8.3 bilion dan 12,376 peluang pekerjaan ke Koridor Utara.***

Bahagian MIR terdiri daripada tiga (3) unit khusus yang merangkumi Pembangunan Perniagaan, Unit Peneraju Agenda Bumiputera@Koridor Utara (TERAJU@Koridor Utara) dan Pusat Perkhidmatan Sokongan Sumber (RSSC).

# KORIDOR UTARA



## PEMBANGUNAN PERNIAGAAN

NCIA juga terlibat secara khusus dalam proses pelaburan; dan menyediakan panduan terperinci proses pelaburan secara keseluruhan, iaitu dari pra-pelaburan, pelaburan semasa dan pasca-pelaburan. Proses yang dikenali sebagai proses *hand-holding* ini merangkumi kitaran pelaburan yang lengkap, bermula daripada peringkat awal pelaburan (contoh: lawatan tapak); usaha fasa pertengahan (contoh: mengenal pasti perkhidmatan pembekal tempatan dan program pembangunan bakat); dan akhirnya perkhidmatan pasca-pelaburan (contoh: penerokaan peluang pelaburan semula dan pembangunan bakat secara progresif).

***Dengan menyediakan persekitaran pelaburan dan ekosistem sokongan yang kondusif, NCIA bekerjasama dengan pelabur baharu dan sedia ada yang ingin mengembangkan atau membuat pelaburan semula di Koridor Utara.***

Pejabat-pejabat NCIA di Taiping (Perak), Alor Setar (Kedah) dan Kangar (Perlis), beroperasi sebagai barisan hadapan untuk berurusan dengan para pelabur yang berpotensi dan juga dengan rakyat, bagi merangsangkan lebih banyak peluang perniagaan dan pekerjaan. Pejabat NCIA di Pulau Pinang berfungsi sebagai ibu pejabat.



## **TERAJU @ KORIDOR UTARA**

TERAJU@Koridor Utara telah ditubuhkan pada tahun 2012 dengan kerjasama Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU). TERAJU@Koridor Utara menawarkan pelbagai program yang bertujuan untuk memberi sokongan, dan meningkatkan keupayaan kewangan para usahawan Bumiputera di wilayah ini. TERAJU@Koridor Utara melalui Program Pembangunan Usahawan Mikro Bumiputera (MCash) telah menyediakan program utama berpaksikan rakyat di Koridor Utara. Sejumlah 44 projek telah diluluskan sehingga Disember 2016, di mana 41 usahawan telah menerima geran, sekaligus mewujudkan lebih daripada 3,000 peluang pekerjaan.

## **PUSAT PERKHIDMATAN SOKONGAN SUMBER (RSSC)**

Peranan RSSC adalah untuk membantu usahawan sedia ada memahami perubahan dalam operasi perniagaan dan keperluan untuk menyesuaikan diri dengan pantas terhadap perubahan tersebut. Selain itu, RSSC juga berperanan untuk mendidik usahawan sedia ada - terutamanya perusahaan kecil dan sederhana (SME) tentang kepentingan penggunaan teknologi dalam pengurusan operasi mereka yang sedia ada; dan bagi menghubungkan kesemua usahawan-usahawan ini dengan agensi dan organisasi yang berkaitan yang boleh membantu mereka menggunakan teknologi dengan kos yang minima.

Untuk mencapai matlamat ini, RSSC sering menganjurkan sesi bersama sektor swasta yang dikenali sebagai 'Sesi Teh Tarik' untuk mewujudkan platform rangkaian yang dinamik kepada usahawan di Koridor Utara, di samping terlibat secara aktif dalam membantu usahawan-usahawan ini menyertai pelbagai pameran perdagangan.





## MARKETING AND INVESTOR RELATIONS

PEMASARAN DAN  
PERHUBUNGAN PELABUR

**O**ne of the major functions of Marketing & Investor Relations (MIR) Division is the promotion of Koridor Utara as a conducive location for foreign and domestic investments. This is part of the effort to leverage on private sector participation to accelerate regional growth and uplift the well-being of rural communities.

As the regional enabler facilitating investors in ensuring investments are realised, NCIA also serves as a focal point for Koridor Utara stakeholders to converge and explore new business opportunities. This is done via the investor-facilitation model which has been developed in order to establish a robust framework for NCIA to continue assisting investors once businesses are in operation; and to pro-actively address implementation challenges and encourage future reinvestment.





With the vision to create regional and global footprint, the division is also involved in increasing the visibility of the local companies in addition to creating strategic business linkages amongst stakeholders. As a regional enabler and facilitator, NCIA via the MIR Division plays a key role of networking, attending to enquiries, streamlining and supporting the investment process, as well as retaining business investments for the continued development of Koridor Utara.

***In 2016, NCIA successfully facilitated the entry of more than 26 investors, which brought in investments totalling RM8.3 billion and 12,376 jobs into Koridor Utara.***

The MIR Division comprises three specialised units, namely Business Development, Unit Peneraju Agenda Bumiputera @ Koridor Utara (TERAJU @ Koridor Utara) and Resource Support Services Centre (RSSC).



## BUSINESS DEVELOPMENT

Specialising in the investment process, the Business Development unit is tasked to provide step-by-step guidance to investors throughout the entire investment process; before, during and after investment. Known as the “hand-holding” process, it covers the complete investment cycle from the beginning initial groundwork (e.g. site visit arrangements) to mid-stage efforts (e.g. identification of local suppliers services and talent training programme); and finally to post-investment services (e.g. exploration of reinvestment opportunities, progressive talent development).

***This would provide a conducive investment environment and supportive ecosystem, with NCIA working with both new and existing investors seeking to expand or reinvest their businesses in Koridor Utara.***

The unit operates in 3 satellite offices strategically located in Taiping (Perak), Alor Setar (Kedah) and Kangar (Perlis) with the NCIA headquarters in Penang as the central facilitator. The satellite offices operate as forward bases for NCIA to engage with potential investors and the rakyat with the aim to spur more business and employment opportunities.

### **TERAJU @ KORIDOR UTARA**

TERAJU @ Koridor Utara was established in 2012 in collaboration with the Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU). TERAJU @ Koridor Utara offers programmes aimed at providing support and to improve the financial capabilities of Bumiputera entrepreneurs in the region. TERAJU @ Koridor Utara's MCash is the major people-centric programme in Kordor Utara. As of December 2016, a total of 44 projects have been approved, with 41 entrepreneurs receiving grants, thus creating more than 3,000 job opportunities.

### **RESOURCE SUPPORT SERVICES CENTRE (RSSC)**

The role of the RSSC is to allow existing entrepreneurs to understand the changes in business operations and the need to swiftly adapt to the changes; to educate existing entrepreneurs - especially SMEs - on the importance of applying technology to their existing operations; and to link these entrepreneurs to the relevant agencies and organisations that can assist them to perform and utilise technology at a minimal cost.


In achieving this, RSSC organises regular engagement sessions with the private sector called *Teh Tarik Sessions* to create a dynamic networking platform for entrepreneurs in the region whilst actively participating and facilitating various trade exhibitions.





# PEMBANGUNAN SOSIAL

*SOCIAL DEVELOPMENT*



Kerjasama di antara NCIA dan akademia telah mencetus platform pemangkin bagi melaksanakan pelbagai aktiviti yang menyokong perkongsian saling bermanfaat antara kerajaan, akademia, industri dan komuniti setempat.

PEMBANGUNAN  
SOSIAL

SOCIAL DEVELOPMENT

**N**CIA telah memulakan fasa kedua misinya ke arah pembangunan ekonomi Koridor Utara dengan enam (6) matlamat komprehensif yang telah dikenal pasti untuk memacu pelaksanaan. Usaha NCIA tertumpu kepada pelaksanaan matlamat yang keenam dalam memastikan kesan limpahan sosioekonomi kepada rakyat selaras dengan objektif utama NCIA untuk mencapai ‘Pertumbuhan Berteraskan Kesaksamaan Sosial’.

Program Pusat Inovasi Komuniti (CIC), merupakan salah satu penggerak utama agenda ini yang tercetus daripada kerjasama di antara NCIA dan Universiti Sains Malaysia (USM). Program ini menyediakan sebuah platform pemangkin bagi melaksanakan pelbagai aktiviti menerusi usahasama yang dapat memberi manfaat kepada kerajaan, akademia, industri dan komuniti setempat. Program ini juga merupakan inisiatif Strategi Lautan Biru Nasional (NBOS) yang memudahkan pertukaran harta intelek, kepakaran, pembelajaran dan kemahiran di Koridor Utara.





**Program CIC merupakan sebahagian daripada Program Pemindahan Pengetahuan (*Knowledge Transfer Programme*) yang dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10).**

***Program ini telah menghasilkan pelbagai skim inovasi yang dirumus khas dalam memastikan kejayaan usaha pemindahan pengetahuan, kepakaran dan kemahiran bagi kumpulan Sasaran seperti isi rumah B40 serta mereka yang berpendapatan rendah.***

Program CIC adalah berkonsepkan inovasi sosial daripada kebolehan komuniti yang mempunyai potensi untuk dimanfaatkan. Pihak akademia berperanan sebagai pemangkin dalam memperkasakan dan menggalakkan inovasi sosial yang telah dimulakan oleh masyarakat setempat.



### Objektif utama Program CIC adalah seperti berikut:

- Meningkatkan pendapatan masyarakat luar bandar berdasarkan platform usahasama di antara pihak-pihak berkepentingan (kerajaan, akademia, industri dan komuniti setempat) melalui pendekatan *quadruple helix* untuk mencapai *Collective Impact*.
- Menggalakkan aktiviti-aktiviti ekonomi luar bandar melalui inisiatif yang mampu meningkatkan pendapatan dan kualiti hidup kumpulan sasaran.
- Mengintegrasikan aktiviti-aktiviti ekonomi luar bandar agar lebih berdaya saing dan mampan, dengan menyediakan kemudahan asas serta latihan modal insan di dalam pelbagai bidang.
- Meningkatkan peranan sektor swasta dalam menjana pertumbuhan ekonomi dan mewujudkan peluang pekerjaan serta perniagaan bagi komuniti setempat.
- Membantu memastikan kesinambungan dasar kerajaan yang memberi penekanan kepada keterangkuman dan kelestarian ke arah menjadi negara maju.
- Menggunakan *Shared Value Concept (SVC)* yang sedang dilaksanakan di wilayah ini sebagai satu kaedah untuk merealisasikan objektif utama Koridor Utara dalam mencapai ‘Pertumbuhan Berteraskan Kesaksamaan Sosial’.

Sebanyak lapan (8) CIC telah dan sedang dibangunkan di Koridor Utara, seperti berikut:

KEDAH		PERLIS	
		BESERI	Healing Villange
SIK	Madu Kelulut (2015)		
JERLUN	Madu Kelulut (2015)		
PEDU	Ikan Keli Kering (2016)		

PERAK		PULAU PINANG	
		NIBONG	Keluaran Sampingan
		TEBAL	Roselle (2016)
KUBU GAJAH	Madu Kelulut		
	Sarang Mustafa (2016)		
LEKIR	Jeli		
	Kelapa Muda (2015)		
TRONG	Ikan Keli Kering (2016)		

**SASARAN: 8 DICAPAI: 8**



Program CIC telah banyak memberi *outcome* yang berkesan dan positif sepanjang tempoh pelaksanaannya. Antara pencapaian keseluruhan yang telah diperolehi melalui program CIC adalah:

- Seramai 158 orang peserta mendapat manfaat, termasuk 15 peserta Orang Kurang Upaya (OKU).
- Suntikan kepkaran pihak akademia di setiap CIC melalui pemindahan teknologi serta inovasi kepada komuniti terlibat, seperti teknologi ‘Mustafa-Hive’ untuk projek Penternakan Lebah Kelulut di CIC Kubu Gajah dan Teknologi Rumah Pengeringan bagi Projek Ikan Keli Kering di CIC Pedu.
- Penambahan pengetahuan dalam bidang keusahawanan dan peningkatan kemahiran di kalangan peserta CIC melalui latihan-latihan yang dikendalikan oleh USM selaras dengan Program Pemindahan Pengetahuan yang dibangunkan oleh NCIA dan USM.
- Peningkatan pendapatan di kalangan peserta yang terlibat, sebagai contoh:
  - *bagi Projek Penternakan Lebah Kelulut, anggaran purata pendapatan adalah sebanyak RM12,000 daripada hasil jualan bagi setiap kitaran tuaian, dengan purata penambahan pendapatan bulanan sebanyak RM500 bagi setiap peserta.*
  - *bagi Projek Pemerkasaan Golongan OKU melalui Projek Jeli Kelapa Muda, para peserta telah memperolehi purata pendapatan tambahan bulanan sebanyak RM700.*

Program jangka panjang yang dilaksanakan ini dirangka agar konsisten dengan dasar Kerajaan yang menekankan prinsip-prinsip keterangkuman dan kemampaman ke arah menjadi sebuah negara maju, selaras dengan tema Kerajaan Malaysia iaitu ‘Pertumbuhan Berpaksikan Rakyat’.





## SOCIAL DEVELOPMENT

PEMBANGUNAN SOSIAL

**N**CIA began the second phase of its mission towards the economic development of the Koridor Utara with six comprehensive goals identified for implementation. To this end, NCIA's endeavours in this area are focused on implementing the sixth goal in ensuring socioeconomic spillover effects to the rakyat, based on NCIA's Growth with Social Equity.

One of the main drivers of this agenda is the Community Innovation Centre (CIC), which came about from NCIA's collaboration with the University of Science Malaysia (USM) in order to provide a catalytic platform for running various activities that support mutually-beneficial partnerships between the Government, academia, the industry, and the local communities. The programme is also a National Blue Ocean Strategy (NBOS) initiative, facilitating exchanges of intellectual property, expertise, learning, and major/ minor skills in Koridor Utara.





The CIC Programme, which is part of the nation's Knowledge Transfer Programme, was implemented under the 10th Malaysia Plan (RMK-10). It has resulted in various innovative schemes specially formulated to ensure the success of the transfer of knowledge, expertise, and skills to target groups, such as households of the B40 group and those with low income.

*The CIC Programme is conceptualised based on social innovation from the community's untapped strengths that are potentially beneficial.*

Academic bodies act as catalysts, strengthening and inspiring to help develop and promote social innovations that have been initiated by the community.



### Amongst the main objectives of the CIC Programme are:

- Increasing the income of rural communities, based on a collaborative platform created to enable stakeholders (government, academia, industry, and local communities) to work together through the quadruple helix approach to achieve Collective Impact.
- Promoting rural economic activities through initiatives that can improve income and the quality of life for the target groups.
- Integrating rural economic activities to be more competitive and sustainable, by providing basic infrastructure as well as human capital training in various areas.
- Adding the role of the private sector in generating economic growth and creating jobs and business opportunities in the various local communities.
- Helping to ensure continuity of Government policies that emphasise inclusivity and sustainability towards becoming a developed nation.
- Utilising the Shared Value Concept (SVC) that is being implemented in the region as a means of attaining Koridor Utara's ultimate objective of achieving "Growth with Social Equity".

A total of eight (8) CICs have been and are being developed in the Koridor Utara, as follows:

CIC Beseri, Perlis (Healing Village)		KEDAH		PERLIS	
CIC Jerlun, Kedah (Kelulut Bee Farm)		SIK	Kelulut Bee Farm (2015)	BESERI	Healing Villange
CIC Pedu, Kedah (Dried Catfish)		JERLUN	Kelulut Bee Farm (2015)		(2016)
CIC Sik, Kedah (Kelulut Bee Farm)		PEDU	Dried Catfish (2016)		
CIC Kubu Gajah, Perak (Mustafa Hive Kelulut Bee Farm)		PERAK		PULAU PINANG	
CIC Trong, Perak (Oyster Farming)		KUBU GAJAH	Mustafa Hive Kelulut Bee Farm (2016)	NIBONG	Roselle By-Products (2016)
CIC Lekir, Perak (Coconut Jelly)		LEKIR	Jelly from Young Coconuts (2015)	TEBAL	
CIC Nibong Tebal, P.Pinang (Roselle By-Products)		TRONG	Dried Catfish (2016)	TARGETED: 8 ACHEIVED: 8	



The CIC Programme has resulted in positive and impactful outcomes during its implementation. Amongst the overall results obtained by the CIC Programme are:

- A total of 158 participants benefited, including 15 Persons with Disabilities (OKU).
- The injection of expertise from academia in each CIC, with the transfer of technology and innovation to the communities involved, such as the "Mustafa-Hive" technology for the Kelulut Bee Farm Project in CIC Kubu Gajah and the Hydration Facility Technology for Dried Catfish Project in CIC Pedu.
- The increase of knowledge in the field of entrepreneurship and upgrading of skills among CIC participants, through exercises conducted by USM in accordance with the Knowledge Transfer Programme developed by NCIA and USM.
- The increase in income of participants involved, for example:
  - *for the Kelulut Bee Farming Project, the estimated average income is RM12,000 from sales during each harvest cycle, with an additional average monthly income of RM500 for each participant.*
  - *for the Empowerment of Persons with Disabilities (OKU) through the manufacturing of Jelly from Young Coconuts Project, the participants gained an additional average monthly income of RM700.*

These programmes implemented with a long-term view were formulated so as to move in concert with Government policies that emphasise the principles of inclusivity and sustainability towards becoming a developed country, aligned with the Malaysian Government's theme of 'Anchoring Growth on People'.





# PENYATA KEWANGAN

*BAGI TAHUN BERAKHIR  
31 DISEMBER 2016*





**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

**Laporan Mengenai Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2016 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 7 hingga 30.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 687).

**Asas Kepada Pendapat**

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

### Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

### Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Ahli Majlis Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

### Tanggungjawab Ahli Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 687). Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara, Ahli Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan.

### Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Majlis.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara memberi gambaran yang saksama.


Saya telah berkomunikasi dengan Ahli Majlis, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

## Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 687), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

### Hal-hal Lain


- a. Seperti yang dinyatakan pada Nota 2(a) kepada penyata kewangan, Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara telah menerima pakai piawaian perakaunan *Malaysian Private Entities Reporting Standard* (MPERS) mulai 1 Januari 2016 dengan tarikh peralihan pada 1 Januari 2015. Piawaian ini diterima pakai secara retrospektif oleh Ahli Majlis terhadap angka perbandingan dalam penyata kewangan ini, termasuk Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2015 dan 1 Januari 2015, dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2015 dan pendedahan berkaitan. Tanggungjawab saya sebagai sebahagian daripada pengauditan penyata kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara bagi tahun berakhir 31 Disember 2016, dalam keadaan ini, termasuk mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian yang baki awal pada 1 Januari 2016 tidak mengandungi salah nyata yang boleh memberi kesan ketara terhadap kedudukan kewangan pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.
- b. Laporan ini dibuat untuk Ahli Majlis dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.



(KHALID KHAN BIN ABDULLAH KHAN)

b.p. KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

PUTRAJAYA  
29 OGOS 2017



**PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA**

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 687))

**PENYATA  
PENGERUSI DAN SEORANG AHLI MAJLIS  
PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA**

Kami, **YANG AMAT BERHORMAT DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK** dan **YANG BERBAHAGIA TAN SRI DR. ALI BIN HAMSA** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Majlis **PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA** dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Ahli Majlis, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2016, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan mematuhi Laporan Piawaian Entiti Persendirian Malaysia ("MPERS") untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan **PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA** pada 31 Disember 2016 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Ahli Majlis,

.....  
**DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK**  
Pengerusi Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara

.....  
**TAN SRI DR. ALI BIN HAMSA**  
Ahli Majlis Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara

Tarikh : **28 AUG 2017**  
Tempat : Kuala Lumpur

## PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Pihak Berkusa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 687))

### PENGAKUAN OLEH PEGAWAI-PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA

Kami, **DATUK REDZA RAFIQ BIN ABDUL RAZAK** dan **VISWANATHAN A/L B.K. NAYAR**, pegawai-pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan **PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2016, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan kami, adalah betul dan kami membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.


Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh penama-penama di atas di George Town, Pulau Pinang pada

28 AUG 2017

DATUK REDZA RAFIQ BIN ABDUL RAZAK

VISWANATHAN A/L B.K. NAYAR

Di hadapan saya:



# PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 687))

## PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2016

	Nota	2016	2015
		RM	RM
<b>Aset Bukan Semasa :</b>			
Hartanah, Loji dan Peralatan	4	734,100	718,865
Hartanah Pelaburan	5	50,020,000	45,680,000
Penghutang Jangka Panjang	6	13,520,770	38,034,946
Jumlah Aset Bukan Semasa		<hr/> 64,274,870	<hr/> 84,433,811
<b>Aset Semasa :</b>			
Penghutang Jangka Pendek	6	4,996,397	22,133,760
Pelbagai Penghutang, Deposit dan Prabayar	7	3,862,013	10,505,874
Deposit Tetap Dengan Institusi Kewangan	8	411,320,320	242,533,436
Tunai dan Baki Bank		1,021,661	3,285,474
Jumlah Aset Semasa		<hr/> 421,200,391	<hr/> 278,458,544
<b>JUMLAH ASET</b>		<hr/> <b>485,475,261</b>	<hr/> <b>362,892,355</b>
<b>Ekuiti :</b>			
Kumpulan Wang Mengurus	9	19,081,375	27,146,701
Jumlah Ekuiti		<hr/> 19,081,375	<hr/> 27,146,701
<b>Liabiliti Bukan Semasa :</b>			
Kumpulan Wang Pembangunan	10	374,740,553	203,718,134
Dana PEMANDU	11	3,999,982	27,884,248
Dana Khas - UPE	12	49,398,176	43,099,664
Dana Khas - TERAJU	13	23,451,149	49,726,274
Jumlah Liabiliti Bukan Semasa		<hr/> 451,589,860	<hr/> 324,428,320
<b>Liabiliti Semasa :</b>			
Pelbagai Pembiayaan Dan Akruan	14	14,804,026	11,317,334
Jumlah Liabiliti Semasa		<hr/> 14,804,026	<hr/> 11,317,334
<b>JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI</b>		<hr/> <b>485,475,261</b>	<hr/> <b>362,892,355</b>

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini

**PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA**

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 687))

**PENYATA PENDAPATAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

	Nota	2016	2015
		RM	RM
<b>PENDAPATAN</b>			
Pemberian Kerajaan Persekutuan	9	18,216,918	6,233,334
Geran Pembangunan Dilunaskan	10	151,227,581	87,220,742
Dana PEMANDU Dilunaskan	11	23,884,266	25,336,481
Dana Khas - UPE Dilunaskan	12	3,701,488	4,568,441
Dana Khas - TERAJU Dilunaskan	13	26,275,125	8,451,186
Dana Khas - KPWKM Dilunaskan	15	-	50,874
Pendapatan Faedah	9	12,979,153	9,886,717
Pendapatan Lain	9	1,540,975	1,730,282
		<hr/> 237,825,506	<hr/> 143,478,057
<b>PERBELANJAAN</b>			
Perbelanjaan Operasi	9 / 16	40,802,372	27,877,872
Geran Pembangunan Dilunaskan	10	151,227,581	87,220,742
Dana PEMANDU	11	23,884,266	25,336,481
Dana Khas - UPE	12	3,701,488	4,568,441
Dana Khas - TERAJU	13	26,275,125	8,451,186
Dana Khas - KPWKM	15	-	50,874
		<hr/> 245,890,832	<hr/> 153,505,596
<b>DEFISIT</b>			
		<hr/> (8,065,326)	<hr/> (10,027,539)

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini

**PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA**

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 687))

**PENYATA PERUBAHAN EKUITI  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016****Kumpulan Wang  
Mengurus****RM**

Baki pada 1 Januari 2015	37,174,240
Defisit bagi tahun semasa	(10,027,539)
<b>Baki pada 31 Disember 2015</b>	<b>27,146,701</b>
Defisit bagi tahun semasa	(8,065,326)
<b>Baki pada 31 Disember 2016</b>	<b>19,081,375</b>

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini

**PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA**

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 687))

**PENYATA ALIRAN TUNAI  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

	Nota	2016	2015
		RM	RM
<b>Aliran Tunai Daripada Aktiviti Operasi</b>			
Defisit sebelum cukai		(8,065,326)	(10,027,539)
Pelarasan untuk: -			
Elaun hutang rugu		1,701,665	12,772,000
Susutnilai harta tanah, loji dan peralatan	4	652,597	648,914
Pendapatan Faedah		(12,979,153)	(18,077,827)
Kos Faedah		-	3,937,324
Hutang yang dilepaskan		34,950,404	-
Pelunasan Kumpulan Wang Pembangunan		(205,088,460)	(117,436,614)
Defisit sebelum perubahan dalam modal kerja		<hr/> (188,828,273)	<hr/> (128,183,742)
Penghutang		5,958,395	(6,997,817)
Pembiutang		3,486,692	4,360,277
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti operasi		<hr/> (179,383,186)	<hr/> (130,821,282)
<b>Aliran Tunai Daripada Aktiviti Pelaburan</b>			
Tambahan harta tanah, loji dan peralatan	4	(667,832)	(89,661)
Tambahan harta tanah pelaburan		(4,340,000)	-
Faedah Diterima		13,475,369	9,465,491
Pinjaman diberi kepada Syarikat Peneraju		-	(6,970,000)
Pembayaran Balik Pinjaman daripada Syarikat Peneraju		5,188,720	7,370,834
Tunai bersih daripada aktiviti pelaburan		<hr/> 13,656,257	<hr/> 9,776,664
<b>Aliran Tunai Daripada Aktiviti Pembiayaan</b>			
Geran Pembangunan diterima		<hr/> 332,250,000	<hr/> 83,212,571
Tunai bersih daripada aktiviti pembiayaan		<hr/> 332,250,000	<hr/> 83,212,571
<b>Penambahan/ (Pengurangan) Bersih Dalam Tunai dan Kesetaraan Tunai</b>			
<b>Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun</b>		166,523,071	(37,832,047)
<b>Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun</b>		245,718,910	283,550,957
Terdiri daripada: -		<hr/> 412,241,981	<hr/> 245,718,910
Deposit Tetap Dengan Institusi Kewangan		411,320,320	242,533,436
Tunai dan Baki Bank		1,021,661	3,285,474
Deposit tetap yang dicagarkan kepada bank berlesen	8	<hr/> (100,000)	<hr/> (100,000)
		<hr/> 412,241,981	<hr/> 245,718,910

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini

# PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 687))

## NOTA – NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

### 1. MAKLUMAT UMUM

Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara ("NCIA") ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 687) yang diwartakan di Parlimen Malaysia pada 13 Jun 2008. Aktiviti utama NCIA adalah untuk bertindak sebagai satu badan berkanun kerajaan persekutuan yang diberi kuasa untuk mencapai objektif berikut:-

- (a) untuk menggalakkan dan mempercepat pembangunan Wilayah Ekonomi Koridor Utara supaya menjadi suatu wilayah ekonomi bertaraf dunia dan destinasi pilihan bagi pelaburan, pekerjaan dan kehidupan; dan
- (b) untuk memastikan bahawa pembangunan sosial dan pembangunan mapan diutamakan dalam menggerakkan pertumbuhan ekonomi di dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara.

Bilangan pekerja NCIA pada akhir tahun adalah seramai 158 orang (2015: 150 orang).

Ibu pejabat NCIA berada di Tingkat 20 & 21 Menara KWSP, No. 38, Jalan Sultan Ahmad Shah, 10050 George Town, Pulau Pinang, Malaysia. NCIA juga mempunyai pejabat operasi di Bayan Lepas, Bukit Minyak, Cyberjaya, Alor Setar, Taiping dan Kangar.

Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 telah diluluskan oleh Ahli-Ahli Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara melalui Mesyuarat Pihak Berkuasa yang bertarikh 23 Ogos 2017.

### 2. ASAS PENYEDIAAN

#### (a) Pernyataan Pematuhan

NCIA dikehendaki memenuhi keperluan mandatori untuk menerima pakai Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia ("MPERS") yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ("MASB") bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016. Penyata kewangan NCIA disediakan mematuhi MPERS, Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 serta "Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (PA 3.1/2013) Garis Panduan Untuk Penyediaan Dan Pembentangan Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan" melainkan seperti yang telah dinyatakan dalam nota-nota penyata kewangan.

Penyata kewangan ini merupakan yang pertama yang disediakan mematuhi MPERS, dan Seksyen 35 Peralihan ke Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia dalam MPERS telah digunakan. Pada tahun kewangan terdahulu, penyata kewangan NCIA telah disediakan mematuhi Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian ("PERS") di Malaysia.

# PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 687))

NCIA telah menggunakan polisi perakaunan yang sama secara konsisten dalam Penyata Kedudukan Kewangannya semasa permulaan penggunaan MPERS pada 1 Januari 2015 dan sepanjang semua tahun kewangan yang dibentangkan, seolah-olah polisi tersebut telah berkuat kuasa. Angka perbandingan dalam penyata kewangan telah dinyatakan semula untuk memberi kesan kepada perubahan ini, dan Nota 22 kepada penyata kewangan mendedahkan impak peralihan ke MPERS ke atas kedudukan kewangan, prestasi kewangan dan aliran tunai NCIA yang dilaporkan bagi tahun kewangan yang berakhir pada ketika itu.

Pada Oktober 2015, MASB telah mengeluarkan Pindaan kepada MPERS ("Pindaan") berkuatkuasa untuk penyata kewangan tahunan yang meliputi tempoh bermula pada atau selepas 1 Januari 2017, dan membenarkan penggunaan awal. NCIA telah memilih untuk penggunaan awal Pindaan tersebut iaitu untuk tahun berakhir 31 Disember 2016. Penggunaan Pindaan itu tiada kesan ke atas penyata kewangan NCIA bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 dan 31 Disember 2015.

**(b) Asas Pengukuran**

Penyata kewangan ini telah disediakan berdasarkan kos sejarah melainkan seperti yang telah dinyatakan dalam nota-nota penyata kewangan.

**(c) Penggunaan Anggaran Dan Pertimbangan**

Anggaran, andaian tentang masa depan dan pertimbangan telah dibuat dalam penyediaan penyata kewangan ini. Perkara ini mempengaruhi penggunaan polisi perakaunan NCIA dan amaun aset, liabiliti, pendapatan dan belanja yang dilaporkan serta pendedahan yang dibuat. Anggaran dan andaian dinilai secara berterusan berdasarkan pengalaman dan faktor berkaitan, termasuk jangkaan peristiwa akan datang yang dipercayai munasabah. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada pertimbangan, anggaran dan andaian yang dibuat dan jarang sama dengan keputusan yang dianggarkan.

**(i) Ketidakpastian anggaran**

Maklumat tentang anggaran dan andaian yang memberi kesan penting ke atas pengiktirafan dan pengukuran aset, liabiliti, pendapatan dan belanja dibincangkan di bawah.

- Hayat berguna bagi aset boleh disusut nilai

Pihak pengurusan menganggarkan hayat berguna harta tanah, loji dan peralatan dalam lingkungan 3 hingga 5 tahun dan menyemak semula hayat berguna bagi aset boleh disusut nilai pada akhir setiap tempoh pelaporan.

Pada 31 Disember 2016, pihak pengurusan menilai bahawa hayat berguna mewakili utiliti aset yang dijangka kepada NCIA. Walau bagaimanapun, keputusan sebenar mungkin berbeza disebabkan oleh perubahan dalam tahap penggunaan dan perkembangan teknologi, yang menyebabkan pelarasian kepada aset NCIA.

Nilai dibawa harta tanah, loji dan peralatan NCIA pada akhir tempoh pelaporan didedahkan dalam Nota 4 kepada penyata kewangan.

## PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 687))

- Penjejasan nilai penghutang  
NCIA membuat penjejasan nilai penghutang berdasarkan penilaian terhadap jangkaan boleh terima. Penjejasan dilakukan kepada penghutang apabila terdapat peristiwa atau perubahan keadaan yang menunjukkan bahawa nilai dibawa mungkin tidak boleh dikutip. Pihak pengurusan menganalisis secara khusus hutang lapuk, kebolehpercayaan kredit penghutang, keadaan ekonomi semasa dan perubahan dalam syarat pembayaran oleh penghutang ketika membuat pertimbangan untuk menilai kecukupan penjejasan penghutang. Apabila jangkaan berbeza daripada anggaran asal, perbezaan itu akan memberi impak kepada nilai dibawa penghutang.

### (ii) Pertimbangan yang penting

Berikut merupakan pertimbangan yang dilakukan oleh pihak pengurusan dalam proses mengaplikasikan polisi perakaunan NCIA yang mempunyai kesan penting ke atas amaun yang diiktiraf di dalam penyata kewangan.

- Klasifikasi hartaanah pelaburan  
Terdapat hartaanah yang sebahagiannya dimiliki untuk menjana pendapatan sewa atau kenaikan modal atau kedua-duanya manakala sebahagian lagi untuk kegunaan dalam pengeluaran atau pembekalan barang dan perkhidmatan atau untuk kegunaan pentadbiran. Sekiranya sebahagian yang dimiliki untuk sewaan dan/ atau kenaikan modal boleh dijual secara berasingan (atau dipajak berasingan sebagai pembiayaan pajakan), NCIA mengakaunkan bahagian tersebut sebagai hartaanah pelaburan. Sekiranya ia tidak boleh dijual atau dipajak secara berasingan, ia diklasifikasikan sebagai hartaanah pelaburan sekiranya hanya sebahagian kecil digunakan untuk pengeluaran atau pembekalan barang dan perkhidmatan atau kegunaan pentadbiran. Pihak pengurusan menggunakan pertimbangan untuk menentukan sebarang perkhidmatan sampingan sama ada dianggap penting sehingga suatu hartaanah tidak layak diklasifikasikan sebagai hartaanah pelaburan.

### 3. POLISI-POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING

Polisi-polisi perakaunan yang dinyatakan di bawah telah diguna pakai oleh NCIA di mana ianya konsisten dengan piawaian perakaunan yang dipatuhi dalam tahun terdahulu, melainkan seperti yang telah dinyatakan.

#### (a) Hartaanah, Loji dan Peralatan

Semua hartaanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susutnilai terkumpul dan penjejasan nilai terkumpul.

Kos adalah termasuk perbelanjaan yang terlibat secara langsung dengan pemerolehan aset dan sebarang kos lain untuk membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikehendaki, serta sebarang kos menanggal dan memindahkan item dan membaik pulih tapak di mana aset tersebut terletak. Kos aset yang dibina sendiri termasuk kos bahan dan buruh yang terlibat secara langsung.

## PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 687))

Apabila bahagian-bahagian penting item harta tanah, loji dan peralatan mempunyai hayat berguna yang berlainan, ia diambil kira sebagai item berasingan (komponen utama) harta tanah, loji dan peralatan, dan komponen itu disusut nilai berasingan.

Susut nilai diiktiraf dalam untung atau rugi berdasarkan kaedah garis lurus ke atas anggaran hayat berguna setiap komponen item harta tanah, loji dan peralatan dari tarikh ianya tersedia untuk digunakan.

Kadar susut nilai digunakan adalah seperti berikut:

Perabot dan peralatan pejabat	20%
Kenderaan	25%
Komputer dan peralatan berkaitan komputer	33.33%

Sekiranya terdapat petunjuk perubahan ketara secara berpola sejak laporan tahunan yang lalu dimana NCIA dijangka untuk mengambil manfaat ekonomi terhadap aset pada masa hadapan, NCIA akan mengkaji semula kaedah susut nilai yang digunakan kini dan, jika jangkaan semasa berbeza, NCIA akan meminda nilai baki, kaedah susut nilai atau hayat berguna untuk mengambarkan pola baru.

Keuntungan atau kerugian selepas pelupusan item harta tanah, loji dan peralatan ditentukan dengan membandingkan hasil daripada pelupusan dengan nilai dibawa harta tanah, loji dan peralatan dan diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif.

### **(b) Harta tanah pelaburan**

Harta tanah pelaburan ialah harta tanah (tanah atau bangunan, atau sebahagian daripada bangunan, atau kedua-dua tanah dan bangunan, termasuk harta tanah pelaburan bina sendiri) yang dimiliki untuk memperoleh sewa atau untuk kenaikan modal atau untuk kedua-duanya dan tidak digunakan untuk pengeluaran atau pembekalan barang dan perkhidmatan atau untuk tujuan pentadbiran, atau jualan dalam perjalanan biasa perniagaan.

Kos harta tanah pelaburan terdiri daripada harga beliannya campur semua kos langsung yang ditanggung untuk membawa harta tanah ke lokasi dan keadaannya dengan tujuan untuk digunakan sebagai harta tanah pelaburan. Kos harta tanah pelaburan bina sendiri terdiri daripada semua kos pembinaan langsung dan tidak langsung tetapi tidak termasuk untung dalaman. Selepas pengiktirafan awal, harta tanah pelaburan dinyatakan pada nilai saksama, jika nilai saksama boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar.

Keuntungan atau kerugian kerana perubahan dalam nilai saksama harta tanah pelaburan diiktiraf dalam untung atau rugi apabila ianya dikenalpasti.

Semua harta tanah pelaburan lain dinyatakan pada kos, tolak susut nilai terkumpul dan penjejasan nilai terkumpul menurut *Seksyen 17 Hartanah, Loji dan Peralatan* dalam MPERS.

## **PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA**

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 687))

Jika NCIA menetapkan nilai saksama harta tanah pelaburan tidak boleh ditentukan atau didapati tanpa kos atau usaha yang tidak wajar untuk item harta tanah pelaburan yang diukur menggunakan kaedah nilai saksama, harta tanah pelaburan itu harus diakaunkan menurut Seksyen 17 Hartanah, Loji dan Peralatan sehingga terdapat kaedah pengukuran nilai saksama yang boleh diguna pakai. Keuntungan atau kerugian kerana perubahan ini, jika ada, diiktiraf dalam untung atau rugi pada waktu tempoh perubahan.

**(c) Penjejasan Nilai Aset Bukan Kewangan**

Penjejasan nilai terjadi apabila nilai dibawa aset melebihi nilai yang boleh diperolehi semula. Pada setiap tahun, NCIA menyemak sekiranya terdapat sebarang petunjuk daripada maklumat luaran atau dalaman bahawa aset atau unit penjana tunai mungkin terjejas. Jika ada sebarang petunjuk, NCIA akan menganggarkan nilai aset atau unit penjana tunai yang boleh diperolehi semula.

Jika suatu aset menjana aliran masuk tunai sendiri, aset itu akan diuji untuk penjejasan nilai sebagai berasingan. Jika aset tidak menjana aliran masuk tunai sendiri, aset itu diuji untuk penjejasan nilai bersama dengan aset lain dalam unit penjana tunai, pada tahap terendah dimana aliran masuk tunai dijana dan dikawal untuk tujuan pengurusan dalaman.

Nilai aset atau unit penjana tunai yang boleh diperolehi semula ialah nilai saksamanya yang paling tinggi tolak kos penjualan aset dan nilai semasanya. NCIA menentukan nilai saksama tolak kos penjualan aset atau unit penjana tunai dalam hierarki berdasarkan: (i) harga jualan dalam perjanjian; (ii) harga pasaran dipasaran terbuka; dan (iii) anggaran harga pasaran menggunakan maklumat terbaik yang diperolehi. Nilai semasa dianggarkan dengan mendiskaunkan aliran masuk tunai bersih (dengan kadar diskain bersesuaian) aset atau unit, menggunakan belanjawan dan ramalan lima tahun oleh pihak pengurusan yang boleh disokong dan ekstrapolasi aliran masuk tunai untuk tempoh melampaui ramalan atau belanjawan lima tahun itu.

Bagi aset yang diukur mengikut model Kos asas, sebarang kerugian penjejasan nilai diiktiraf dalam untung atau rugi. Bagi unit penjana tunai, sebarang kerugian penjejasan nilai akan diperuntukkan terlebih dahulu untuk mengurangkan nilai dibawa yang diperuntukkan kepada unit, jika ada, dan baki kerugian penjejasan nilai selepas itu diperuntukkan kepada aset lain dalam unit secara pro rata berdasarkan nilai dibawa relatif aset.

NCIA menilai semula nilai boleh diperolehi semula bagi aset atau unit penjana tunai yang terjejas nilai jika terdapat sebarang petunjuk bahawa kerugian penjejasan nilai yang diiktiraf dahulu mungkin telah diterbalikkan.

Sebarang pembalikan kerugian penjejasan nilai aset dibawa pada model asas kos diiktiraf dalam untung atau rugi, tertakluk kepada had di mana nilai dibawa yang disemak semula tidak melebihi nilai yang akan ditentukan tidak mempunyai kerugian penjejasan nilai diiktiraf sebelum ini.

# PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 687))

## (d) Instrumen Kewangan

### (i) Pengiktirafan awal dan pengukuran

NCIA mengiktiraf aset kewangan atau liabiliti kewangan dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, entiti dalam NCIA menjadi satu pihak kepada peruntukan berkontrak instrumen itu.

Pada pengiktirafan awal, semua aset kewangan atau liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama yang secara amnya ialah harga urus niaga, campur kos urus niaga jika aset kewangan atau liabiliti kewangan itu tidak diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi.

Bagi instrumen yang diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi, kos urus niaga menjadi perbelanjaan pada untung atau rugi apabila berlaku. Bagi pendahuluan dan persetujuan berkontrak lain yang merupakan urus niaga kewangan, aset kewangan atau liabiliti kewangan diukur pada nilai semasa didiskaunkan pada kadar faedah semasa dipasaran untuk instrumen hutang yang serupa.

### (ii) Pengukuran selepas pengiktirafan aset kewangan

Untuk tujuan pengukuran selepas pengiktirafan, NCIA mengklasifikasikan aset kewangan kepada 2 kategori iaitu: (i) aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi; dan (ii) aset kewangan pada kos dilunaskan.

Selepas pengiktirafan awal, NCIA mengukur semua aset kewangan pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Semua aset kewangan lain tertakluk pada penilaian semula penjejasan nilai menurut Nota (vi) di bawah.

### (iii) Pengukuran selepas pengiktirafan liabiliti kewangan

Selepas pengiktirafan awal, NCIA mengukur semua liabiliti kewangan pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan.

### (iv) Penyahiktirafan instrumen kewangan

Bagi tujuan penyahiktirafan, NCIA menentukan sama ada aset kewangan atau liabiliti kewangan perlu dinyahiktiraf keseluruhannya atau bahagian demi bahagian atau daripada satu kumpulan item yang sama.

Aset kewangan, sama ada sebagai satu item atau sebahagiannya, dinyahiktiraf apabila, dan hanya apabila, hak kontrak untuk menerima aliran tunai daripada aset kewangan tamat, atau apabila NCIA memindahkan hak kontrak untuk menerima aliran tunai daripada aset kewangan itu, termasuk dalam keadaan apabila NCIA bertindak hanya sebagai agen memungut bagi pihak penerima pindahan, dan tidak mengekalkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan itu atau tidak terlibat secara berterusan dalam pengawalan aset kewangan yang dipindahkan itu.

## PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 687))

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila, dan hanya apabila, dilunaskan secara sah, iaitu sama ada apabila obligasi yang ditetapkan dalam kontrak diselesaikan atau dibatalkan atau tamat. Pengubahsuaian dalam syarat liabiliti kewangan yang sedia ada diambil kira sebagai penghapusan liabiliti kewangan asal dan pengiktirafan liabiliti kewangan baru.

(v) Pengiktirafan keuntungan dan kerugian

Perubahan nilai saksama aset kewangan dan liabiliti kewangan yang diklasifikasikan sebagai nilai saksama melalui untung atau rugi diiktiraf dalam untung atau rugi apabila ianya terjadi. Bagi aset kewangan dan liabiliti kewangan dibawa pada kos dilunaskan, keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi hanya apabila ianya dinyahiktiraf atau terjejas, dan melalui proses pelunasan instrumen.

(vi) Penjejasan nilai dan ketidakupayaan kutipan aset kewangan

NCIA menggunakan model kerugian tertanggung untuk mengiktiraf kerugian penjejasan nilai aset kewangan. Pada akhir setiap tempoh pelaporan, NCIA meneliti sama ada terdapat sebarang tanda yang menunjukkan bahawa aset kewangan atau sekumpulan aset kewangan terjejas nilai. Tanda-tanda kejadian pencetus kerugian termasuk: (i) kesusahan nyata penerbit atau penanggung obligasi; (ii) pelanggaran kontrak, seperti keingkaran atau pembayaran tertunggak faedah atau prinsipal; (iii) pemberian konsesi luar biasa kepada pelanggan; (iv) terdapat kemungkinan pelanggan akan menjadi muflis atau menjalani lain-lain penstrukturkan kewangan; (v) kehilangan pasaran aktif bagi aset kewangan kerana masalah kewangan; atau (vi) sebarang data dalam pasaran yang menunjukkan bahawa kemungkinan terdapat penurunan dalam anggaran aliran tunai masa hadapan daripada sekumpulan aset kewangan.

Bagi pinjaman bukan semasa dan penghutang dibawa pada kos dilunaskan, anggaran aliran tunai tersemak didiskaunkan pada kadar faedah berkesan asal. Sebarang kerugian penjejasan nilai diiktiraf dalam untung atau rugi dan direkodkan dalam akaun elauan kerugian. Sebarang pembalikan kerugian penjejasan nilai berikutnya bagi aset kewangan dibalikkan dalam untung atau rugi dengan pelarasan sepadan pada akaun elauan itu, tertakluk pada had bahawa pembalikan itu tidak boleh menyebabkan nilai dibawa tersemak aset kewangan melebihi nilai yang jika tidak telah ditentukan sekiranya kerugian penjejasan nilai tidak diiktiraf dahulu.

Bagi dagangan jangka pendek dan penghutang lain, dimana kesan diskaun tidak penting, kerugian penjejasan nilai diuji bagi setiap penghutang yang penting apabila terdapat sebarang petunjuk penjejasan nilai. Penghutang penting yang kerugian penjejasan nilainya belum diiktiraf dikumpulkan bersama dengan semua penghutang lain mengikut kelas berdasarkan ciri risiko kredit dan disusun tempoh tertunggak. Elauan kolektif dianggarkan untuk kelas kumpulan tersebut berdasarkan pengalaman NCIA dengan nisbah kerugian dalam setiap kelas, dengan mempertimbangkan keadaan pasaran semasa.

## PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Pihak Berkusa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 687))

**(e) Tunai Dan Kesetaraan Tunai**

Tunai dan kesetaraan tunai merangkumi tunai dalam tangan, baki dan deposit di bank dan pelaburan mudah tunai yang berisiko kecil dari segi perubahan nilai saksama dengan tempoh matang tiga bulan atau kurang, dan digunakan oleh NCIA dalam pengurusan komitmen jangka pendek. Bagi tujuan penyata aliran tunai, ianya tidak termasuk deposit tetap yang dicagarkan kepada institusi kewangan.

**(f) Kumpulan Wang**

Kumpulan Wang adalah satu kumpulan wang yang ditubuhkan dan diuruskan mengikut Akta NCIA 2008 (Akta 687).

**(g) Peruntukan Bagi Liabiliti**

Peruntukan diiktiraf apabila NCIA mempunyai obligasi perundangan atau konstruktif semasa akibat daripada peristiwa yang lepas yang boleh dianggarkan dengan munasabah, dan ada kemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang merangkumi faedah ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi itu. Peruntukan ditentukan dengan mendiskaun aliran tunai masa depan dijangka pada kadar pracukai yang menggambarkan penilaian semasa nilai masa wang dalam pasaran dan risiko spesifik bagi liabiliti itu.

**(h) Pengiktirafan Pendapatan**

**(i) Pemberian Geran-Geran Kerajaan Persekutuan**

Geran Mengurus dan Pembangunan diiktiraf apabila hak untuk menerima bayaran telah diperakui kelulusannya dan akan diperolehi untuk tahun kewangan tersebut.

Geran Pembangunan diiktiraf dalam penyata pendapatan untuk dipadankan dengan belanja pembangunan seperti mana yang diluluskan. Geran yang tidak dapat dipadankan dengan belanja pembangunan akan ditunjukkan di dalam lembaran imbangan sebagai geran tertunda.

Geran berkaitan dengan harta tanah, loji dan peralatan diiktiraf sebagai aset bukan semasa dan diiktiraf sebagai pendapatan berdasarkan asas sistematik ke atas anggaran jangka hayat aset.

**(ii) Pendapatan Faedah**

Pendapatan faedah diiktiraf berdasarkan asas akruan menggunakan kaedah faedah effektif dalam untung atau rugi.

## **PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA**

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 687))

**(iii) Pendapatan sewa**

Pendapatan sewa daripada harta tanah pelaburan diiktiraf dalam untung atau rugi berdasarkan garis lurus sepanjang tempoh pajakan. Insentif pajakan diiktiraf sebagai sebahagian daripada jumlah pendapatan sewa, sepanjang tempoh pajakan.

**(iv) Levi**

Levi diiktiraf pada asas akruan.

**(i) Kebajikan Pekerja**

**(i) Manfaat jangka pendek**

Upah, gaji, bonus dan sumbangan jaminan sosial dikenal pasti sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana khidmat telah diberikan oleh kakitangan NCIA. Peruntukan yang dijangka untuk pembayaran jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar dikenal pasti apabila kakitangan telah memberikan khidmatnya di mana ia akan meningkatkan peluang kakitangan tersebut untuk mendapat ganti rugi. Cuti jangka pendek yang tidak boleh dikumpul seperti cuti sakit dikenal pasti apabila ianya berlaku.

Peruntukan dibuat untuk anggaran liabiliti cuti disebabkan oleh perkhidmatan yang telah diberikan oleh pekerja sehingga akhir tempoh pelaporan.

**(ii) Pelan caruman**

Pelan caruman adalah pelan faedah pasca penggajian dimana NCIA membuat caruman tetap ke dalam dana bebas dan tidak mempunyai obligasi perundangan atau konstruktif untuk membuat caruman selanjutnya jika mana-mana dana itu tidak memegang aset yang mencukupi untuk membayar semua faedah pekerja yang berkaitan dengan perkhidmatan pekerja pada tahun kewangan semasa dan sebelumnya.

Caruman tersebut diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam untung atau rugi apabila ianya berlaku. Seperti dikehendaki oleh undang-undang di Malaysia untuk membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP").

**(j) Cukai Pendapatan**

NCIA dikecualikan daripada cukai pendapatan selaras dengan surat pengecualian cukai yang diperoleh daripada Kementerian Kewangan di bawah subseksyen 127 (3A) Akta Cukai Pendapatan 1967. Semua pendapatan pada tahap pendapatan berkanun (kecuali untuk dividen) dikecualikan daripada cukai pendapatan bagi tempoh 10 tahun bermula dari tahun 2008 hingga tahun 2017.

## PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Pihak Berkuaasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 687))

### (k) Pengukuran Nilai Saksama

Bagi aset dan liabiliti (sama ada item kewangan atau bukan kewangan) yang memerlukan pengukuran nilai saksama atau pendedahan, NCIA mewujudkan hierarki pengukuran nilai saksama yang memberi keutamaan tertinggi kepada sebutharga (tidak diselaraskan) dalam pasaran bagi aset, liabiliti atau instrumen ekuiti dan keutamaan terendah pada input yang tidak boleh dipantau.

Pengukuran nilai saksama item dianggarkan dengan menggunakan sebutharga dalam pasaran jika harga tersebut dapat dipantau. Pasaran terbuka ialah pasaran utama bagi aset atau liabiliti atau, jika tiada, maka pasaran paling serupa untuk aset atau liabiliti; dan yang mana NCIA boleh membuat urus niaga bagi aset atau liabiliti pada harga di pasaran itu pada tarikh pengukuran.

Jika tiada harga dipasaran terbuka, nilai saksama item dianggarkan dengan teknik penilaian menggunakan input daripada pasaran yang dapat dipantau bagi sebahagian besar tempoh penuh aset atau liabiliti.

Jika tiada dikedua-duanya, pengukuran nilai saksama item dianggarkan dengan teknik penilaian menggunakan input tidak boleh dipantau, termasuk andaian munasabah dan boleh disokong.

### (l) Mata Wang Berfungsi Dan Pembentangan

Penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ('RM') yang merupakan mata wang berfungsi NCIA. Semua nilai dibundarkan ke RM terdekat melainkan seperti yang telah dinyatakan.

# PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Pihak Berkuaas Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 687))

## 4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

(a) Butiran hartaanah, loji dan peralatan adalah seperti berikut:-

### Aset Operasi

	<b>2016</b>	<b>Perabot &amp; Peralatan pejabat</b>	<b>Komputer &amp; Peralatan berkaitan komputer</b>	<b>Kenderaan</b>	<b>Jumlah</b>
		<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>
<b>Kos</b>					
Pada 1 Januari		907,178	1,984,360	833,813	3,725,351
- Tambahan		38,207	150,410	121,125	309,742
- Hapuskira		-	-	-	-
Pada 31 Disember		945,385	2,134,770	954,938	4,035,093

### Susut Nilai Terkumpul

Pada 1 Januari	745,372	1,882,439	749,404	3,377,215
Perubahan semasa				
- Tambahan	91,804	90,175	86,705	268,684
- Hapuskira	-	-	-	-

Pada 31 Disember

	837,176	1,972,614	836,109	3,645,899
--	---------	-----------	---------	-----------

### Nilai Dibawa

Pada 31 Disember	108,209	162,156	118,829	389,194
------------------	---------	---------	---------	---------

### Aset Pembangunan

	<b>2016</b>	<b>Perabot &amp; Peralatan pejabat</b>	<b>Komputer &amp; Peralatan berkaitan komputer</b>	<b>Kenderaan</b>	<b>Jumlah</b>
		<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>
<b>Kos</b>					
Pada 1 Januari		1,716,680	163,205	236,348	2,116,233
- Tambahan		-	-	358,090	358,090
Pada 31 Disember		1,716,680	163,205	594,438	2,474,323

### Susut Nilai Terkumpul

Pada 1 Januari	1,351,241	157,915	236,348	1,745,504
Perubahan semasa				
- Tambahan	341,496	5,116	37,301	383,913

Pada 31 Disember

	1,692,737	163,031	273,649	2,129,417
--	-----------	---------	---------	-----------

### Nilai Dibawa

Pada 31 Disember	23,943	174	320,789	344,906
------------------	--------	-----	---------	---------

### Jumlah Nilai Dibawa

Pada 31 Disember	132,152	162,330	439,618	734,100
------------------	---------	---------	---------	---------

# PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Pihak Berkuaas Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 687))

## 4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

### Aset Operasi

2015	Komputer & Peralatan berkaitan komputer			Jumlah
	Perabot & Peralatan pejabat	RM	Kenderaan	
<b>Kos</b>				
Pada 1 Januari	879,629	1,922,248	833,813	3,635,690
- Tambahan	27,549	62,112	-	89,661
- Hapuskira	-	-	-	-
Pada 31 Disember	907,178	1,984,360	833,813	3,725,351

### Susut Nilai Terkumpul

Pada 1 Januari	640,133	1,805,134	647,970	3,093,237
Perubahan semasa				
- Tambahan	105,239	77,305	101,434	283,978
- Hapuskira	-	-	-	-
Pada 31 Disember	745,372	1,882,439	749,404	3,377,215

### Nilai Dibawa

Pada 31 Disember	161,806	101,921	84,409	348,136
------------------	---------	---------	--------	---------

### Aset Pembangunan

2015	Komputer & Peralatan berkaitan komputer			Jumlah
	Perabot & Peralatan pejabat	RM	Kenderaan	
<b>Kos</b>				
Pada 1 Januari	1,716,680	163,205	236,348	2,116,233
- Tambahan	-	-	-	-
Pada 31 Disember	1,716,680	163,205	236,348	2,116,233

### Susut Nilai Terkumpul

Pada 1 Januari	1,009,744	134,476	236,348	1,380,568
Perubahan semasa				
- Tambahan	341,497	23,439	-	364,936

Pada 31 Disember

1,351,241 157,915 236,348 1,745,504

### Nilai Dibawa

Pada 31 Disember	365,439	5,290	-	370,729
------------------	---------	-------	---	---------

### Jumlah Nilai Dibawa

Pada 31 Disember	527,245	107,211	84,409	718,865
------------------	---------	---------	--------	---------

## PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Pihak Berkusa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 687))

### 4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

- (b) Termasuk dalam harta, loji dan peralatan adalah aset yang telah disusutnilai sepenuhnya dan masih digunakan dengan kos-kos seperti berikut:-

	2016 RM	2015 RM
<b>Aset Operasi</b>		
Komputer & Peralatan berkaitan komputer	1,824,138	1,770,296
Perabot & Peralatan pejabat	684,721	412,712
Kenderaan	580,988	428,072
<b>Aset Pembangunan</b>		
Komputer & Peralatan berkaitan komputer	156,905	147,860
Perabot & Peralatan pejabat	1,596,960	9,200
Kenderaan	236,348	236,348

### 5. HARTANAH PELABURAN

	2016 RM	2015 RM
Baki pada 1 Januari	45,680,000	-
- Kesan daripada menerima pakai MPERS	-	45,680,000
Dinyatakan semula	45,680,000	45,680,000
Tambahan harta pelaburan	4,340,000	-
<b>Baki pada 31 Disember</b>	<b>50,020,000</b>	<b>45,680,000</b>

Nilai semasa harta pelaburan telah ditentukan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta ("JPPH") Kementerian Kewangan Malaysia.

## PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 687))

### 6. PENGHUTANG

	2016 RM	2015 RM
Jangka pendek (Pembayaran balik dari 2011-2017)	37,718,621	70,325,881
<b>Tolak:</b> Elaun hutang ragu	<u>(32,722,224)</u>	<u>(48,192,121)</u>
	4,996,397	22,133,760
Jangka panjang (Pembayaran balik dari 2018-2023)	18,705,832	58,665,081
<b>Tolak:</b> Elaun hutang ragu	<u>(5,185,062)</u>	<u>(20,630,135)</u>
	13,520,770	38,034,946
	<u>18,517,167</u>	<u>60,168,706</u>

Pinjaman ini mewakili pembayaran balik pinjaman daripada syarikat-syarikat peneraju untuk tempoh 3 - 12 tahun, tidak bercagar dan tanpa faedah. Elaun hutang ragu sebanyak RM37,907,286 (2015: RM68,822,256) telah diperuntukkan berdasarkan penilaian terhadap prestasi syarikat-syarikat peneraju.

### 7. PELBAGAI PENGHUTANG, DEPOSIT DAN PRABAYAR

	2016 RM	2015 RM
Pelbagai Penghutang	1,171,357	2,143,481
<b>Tolak:</b> Elaun hutang ragu	<u>(207,090)</u>	<u>(573,111)</u>
	964,267	1,570,370
Deposit	330,579	340,270
Prabayar (Nota a)	<u>2,567,167</u>	<u>8,595,234</u>
	3,862,013	10,505,874

(a) Ini termasuk tanah pajakan prabayar yang akan dilunaskan seperti berikut :-

Tidak lebih daripada dua belas bulan	420,923	993,696
Selepas dua belas bulan	<u>2,012,522</u>	<u>7,401,445</u>
	<u>2,433,445</u>	<u>8,395,141</u>

## PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Pihak Berkuaasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 687))

### 8. DEPOSIT TETAP DENGAN INSTITUSI KEWANGAN

	2016 RM	2015 RM
Kumpulan Wang Mengurus	25,824,754	26,076,919
Kumpulan Wang Pembangunan	308,646,259	106,199,365
Dana PEMANDU	3,999,982	17,431,214
Dana Khas - UPE	49,398,176	43,099,664
Dana Khas - TERAJU	23,451,149	49,726,274
	<hr/>	<hr/>
	411,320,320	242,533,436
	<hr/>	<hr/>

Deposit tetap sebanyak RM100,000 (2015 : RM100,000) dicagarkan sebagai jaminan untuk fasiliti bank.

### 9. KUMPULAN WANG MENGURUS

	2016 RM	2015 RM
Baki pada 1 Januari	27,146,701	37,174,240
Tambah: -		
Pemberian Kerajaan Persekutuan	18,216,918	6,233,334
Pendapatan faedah	12,979,153	9,886,717
Pendapatan lain	1,540,975	1,730,282
	<hr/>	<hr/>
	59,883,747	55,024,573
Tolak: -		
Perbelanjaan Operasi * (Nota 16)	40,802,372	27,877,872
	<hr/>	<hr/>
<b>Baki pada 31 Disember</b>	<b>19,081,375</b>	<b>27,146,701</b>
	<hr/>	<hr/>

\* Termasuk di dalam Perbelanjaan operasi adalah susut nilai aset operasi untuk tahun semasa berjumlah RM268,684 (2015 : RM283,978)

# PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Pihak Berkua Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 687))

## 10. KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN

	2016 RM	2015 RM
Baki pada 1 Januari	203,718,134	264,477,509
- Kesan daripada menerima pakai MPERS	-	(11,315,105)
Dinyatakan semula	203,718,134	253,162,404
Tambah :		
Pemberian Kerajaan Persekutuan	322,250,000	31,212,571
Pendapatan faedah aset kewangan yang tidak dinyatakan pada nilai saksama melalui untung atau rugi	-	6,563,901
	<u>525,968,134</u>	<u>290,938,876</u>
Tolak : Geran Dana Pembangunan dilunaskan		
Pertanian	4,374,755	6,135,695
Pembuatan	22,793,534	31,519,707
Pelancongan	10,803,325	14,285,001
Pendidikan dan Modal Insan	11,800,243	18,857,348
Logistik	60,562,327	485,000
Projek Khas	14,883,612	3,913,052
Elaun hutang ragu	1,701,665	8,961,714
Perbelanjaan faedah liabiliti kewangan yang tidak dinyatakan pada nilai saksama melalui untung atau rugi	-	3,063,225
Hutang yang dilepaskan	<u>24,308,120</u>	<u>-</u>
	<u>151,227,581</u>	<u>87,220,742</u>
<b>Baki pada 31 Disember</b>	<b><u>374,740,553</u></b>	<b><u>203,718,134</u></b>
<b>Diwakili oleh:-</b>		
Hartanah, loji dan peralatan	344,906	370,729
Hartanah pelaburan	50,020,000	45,680,000
Terimaan	18,517,167	49,715,672
Deposit tetap dengan institusi kewangan	308,646,259	106,199,365
Prabayar	2,433,445	8,395,141
Pelbagai pembiutang dan akruan	(5,221,224)	(6,642,773)
	<u>374,740,553</u>	<u>203,718,134</u>

Termasuk di dalam Perbelanjaan Pembangunan adalah susut nilai aset pembangunan untuk tahun semasa berjumlah RM383,913 (2015 : RM2,068,603).

## PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 687))

### 11. DANA PEMANDU

	2016 RM	2015 RM
Baki pada 1 Januari	27,884,248	49,623,638
- Kesan daripada menerima pakai MPERS	-	(1,030,118)
Dinyatakan semula	27,884,248	48,593,520
Tambah :		
Penyelarasan Perbelanjaan	-	3,000,000
Pendapatan faedah asset kewangan yang tidak dinyatakan pada nilai saksama melalui untung atau rugi	-	1,627,209
	<hr/> 27,884,248	<hr/> 53,220,729
Tolak : Geran Dana PEMANDU dilunaskan		
Pembuatan	13,328,596	20,988,550
Pendidikan dan Modal Insan	102,636	203,874
Elaun hutang ragu	-	3,269,958
Perbelanjaan faedah liabiliti kewangan yang tidak dinyatakan pada nilai saksama melalui untung atau rugi	-	874,099
Hutang yang dilepaskan	10,453,034	-
	<hr/> 23,884,266	<hr/> 25,336,481
<b>Baki pada 31 Disember</b>	<b><hr/>3,999,982</b>	<b><hr/>27,884,248</b>
<b>Diwakili oleh:-</b>		
Terimaan	-	10,453,034
Deposit tetap dengan institusi kewangan	3,999,982	17,431,214
	<hr/> 3,999,982	<hr/> 27,884,248

(Dana PEMANDU - Dana fasilitasi untuk projek di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA))

**PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA**

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 687))

**12. DANA KHAS - UNIT PERANCANG EKONOMI (UPE)**

	2016 RM	2015 RM
Baki pada 1 Januari	43,099,664	47,668,105
Tambah : Pemberian Kerajaan Persekutuan	10,000,000	-
	<hr/>	<hr/>
	53,099,664	47,668,105
Tolak : Geran Dana Khas - UPE dilunaskan		
Pendidikan dan Modal Insan	1,604,340	1,161,831
Pertanian	2,097,148	3,406,610
	<hr/>	<hr/>
	3,701,488	4,568,441
	<hr/>	<hr/>
<b>Baki pada 31 Disember</b>	<b>49,398,176</b>	<b>43,099,664</b>
	<hr/>	<hr/>

(Projek dan kajian di bawah "Border Economic Transformation Programme (BETP)" serta "Shared Value Programme")

**13. DANA KHAS - TERAJU**

	2016 RM	2015 RM
Baki pada 1 Januari	49,726,274	6,177,460
Tambah : Pemberian Kerajaan Persekutuan	-	52,000,000
	<hr/>	<hr/>
	49,726,274	58,177,460
Tolak : Geran Dana Khas - TERAJU dilunaskan	<hr/>	<hr/>
	26,275,125	8,451,186
